

Jilid I
Bil. 39



MALAYSIA

Hari Isnin
6hb Disember, 1982

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5027]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) (Bil. 2)

Jawatankuasa (Hari Kedua)—

Jadual Pertama:

Maksud B. 67 [Ruangan 5143]

Jadual Kedua:

Maksud B. 42 dan B. 43 [Ruangan 5061]

Maksud B. 46 dan B. 48 [Ruangan 5064]

Maksud B. 52, B. 56 dan B. 57 [Ruangan 5086]

Maksud B. 59 [Ruangan 5107]

Maksud B. 62 [Ruangan 5117]

Maksud B. 64 [Ruangan 5143]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1981

Jawatankuasa (Hari Kedua)—

Maksud P. 67 [Ruangan 5143]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982

Jawatankuasa (Hari Kedua)—

Maksud P. 39 [Ruangan 5061]

Maksud P. 46 [Ruangan 5064]

Maksud P. 52, P. 54, P. 56 dan P. 57 [Ruangan 5086]

Maksud P. 62 [Ruangan 5117]

Maksud P. 63 [Ruangan 5126]

Maksud P. 65 [Ruangan 5143]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 5059]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN
HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulau).
- „ Tuan (Timbalan) Yang Dipertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAFSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).

Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Seremban).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lepar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO' LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOUI (Padang Serai).

Yang Berhormat DR TAN SENG GIAW (Kepong).

- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasih Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 6hb Disember, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
perkerusi Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PERPUSTAKAAN NEGARA—
PEMBUKAAN
AHAD/CUTI AM**

1. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar terdapat permintaan dari orang ramai supaya Perpustakaan Kebangsaan dibuka pada Hari Ahad dan Hari Cuti Am, jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi memenuhi permintaan mereka.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang Dipertua, Perpustakaan Negara memang telah dibuka pada tiap-tiap hari Ahad sejak 1hb Jun, 1982 yang lalu mulai jam 10.30 pagi hingga 6.00 petang. Pembukaan Perpustakaan Negara pada hari cuti am sedang di dalam pertimbangan.

**BADAN BERKANUN DI BAWAH
KEMENTERIAN PERTANIAN**

2. **Tuan Yeoh Poh San** minta Menteri Pertanian menyatakan bilangan Badan Berkanun di bawah Kementerian

Pertanian dan ramainya pekerja dalam tiap-tiap Badan Berkanun tersebut mengikut pecahan bangsa.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Yang Dipertua di bawah Kementerian Pertanian, terdapat 7 buah Agensi Kerajaan seperti berikut:

- (1) MARDI—Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia. (Malaysian Agricultural Research and Development Institute).
- (2) LKIM—Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.
- (3) FAMA—Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. (Federal Agricultural Marketing Authority).
- (4) LPP—Lembaga Pertubuhan Peladang.
- (5) KADA—Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu. (Kemubu Agricultural Development Authority).
- (6) MADA—Lembaga Kemajuan Pertanian Muda. (Muda Agricultural Development Authority).
- (7) BPM—Bank Pertanian Malaysia.

Ramainya pekerja dalam tiap-tiap Badan Berkanun tersebut mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

<i>Badan Berkanun</i>	<i>Bilangan Pekerja</i>	<i>Melayul Bumiputera</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Dan Lain-lain</i>
MARDI	4,152	3,714	202	231	5
Bank Pertanian	1,261	1,157	62	39	3
LPP	2,369	2,296	45	28	—
KADA	843	833	10	—	—
MADA	1,396	1,273	123	—	—
LKIM	811	770	33	8	—
FAMA	1,310	1,195	76	21	18

PUSAT ATOM TUN DR ISMAIL (PUSPATI)

3. Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adakah benar Kerajaan akan menubuhkan sebuah Pusat Atom Tun Doktor Ismail di negara ini. Jika ya, nyatakan:

- (a) apakah jaminan Kerajaan bahawa reaktor di Pusat Atom benar-benar selamat dari segi kesihatan rakyat dan apakah tujuan Pusat Atom itu ditubuhkan; dan
- (b) untuk mengendalikan Pusat Atom itu sudahkah Kerajaan mempunyai kemampuan dari segi Pegawai dan kakitangan yang berkebolehan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang Dipertua, (a) Ya, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Pusat Atom bernama Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail, ataupun ringkasnya PUSPATI. Pihak Kerajaan telah berkali-kali memberi jaminan tentang keselamatan berikutan pelancaran reaktor di PUSPATI dan saya ingin menegaskan di sini bahawa Kementerian saya juga sentiasa memberi perhatian berat ke atas aspek-aspek keselamatan. Dalam sejarah kendalian reaktor

penyelidikan jenis Triga Mark II yang digunakan di seluruh dunia, telah menunjukkan rekod keselamatan yang tidak dapat ditandingi. Tiada kemalangan yang mengancam keselamatan, keutuhan sistem kawalan dan perlindungan reaktor itu telah berlaku dan saya berpuas hati bahawa perlancaran reaktor ini tidak akan mengancam keselamatan rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Atom tersebut ditubuhkan bertujuan:

- (i) menjalankan penyelidikan dalam penggunaan teknologi nuklear dalam bidang perubatan, kejuruteraan, perindustrian, pertanian, hidrologi, kajian alam sekitar dan sebagainya;
- (ii) mengadakan kemudahan latihan mengenai segala aspek penggunaan sains dan teknologi nuklear seperti teknologi reaktor, penggunaan radioisotop dan sinaran instrumentasi nuklear, fizik kesihatan dan perlindungan sinaran;
- (iii) mengeluarkan berbagai jenis radioisotop untuk keperluan hospital-hospital, institusi-institusi penyelidikan, pusat-pusat pengajian tinggi dan perusaahaan-perusaahaan swasta;

- (iv) menggalakkan dan memberi bantuan teknik kepada institusi-institusi penyelidikan dan perusahaan swasta tentang cara-cara menggunakan teknik-teknik nuklear dalam aktiviti-aktiviti mereka; dan
- (v) menjalankan pengawasan kakitangan dan persekitaran berhubung dengan keselamatan sinaran bagi menjamin keselamatan awam dan kebersihan alam sekitar.

(b) Kementerian saya telah dan sedang melaksanakan satu program latihan untuk melatih kakitangan-kakitangan dalam berbagai bidang sains nuklear di luar dan juga di dalam negeri. Sehingga ini seramai 6 orang Pegawai PUSPATI telah mendapat lesen sebagai pengendali reaktor kanan dari Amerika Syarikat untuk mengendalikan reaktor jenis Triga di PUSPATI. Di samping itu, pegawai-pegawai PUSPATI juga dilatih dalam bidang-bidang fizik kesihatan dan kawalan sinaran bagi menjamin keselamatan pekerja-pekerja di PUSPATI, orang-orang awam dan juga dari segi kebersihan Alam Sekitar.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adakah sementara pegawai-pegawai yang dilatih itu dapat menjalankan tugasnya pada masa akan datang, apakah pihak PUSPATI ini melantik pegawai-pegawai daripada luar negeri yang berkhidmat dengan PUSPATI ini dan apakah perkhidmatan mereka itu boleh memuaskan?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang Dipertua, semua pegawai-pegawai yang menjalankan tugas di PUSPATI adalah warganegara Malaysia, tidak ada orang asing yang terlibat.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang menghentikan rancangan Pusat Atom kerana kemelesetan ekonomi dan apakah jumlah perbelanjaan bagi projek tersebut?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak bercadang memberhentikan projek itu. Kerajaan akan meneruskan projek yang ada sekarang. Anggaran kos projek Phase I PUSPATI ialah \$47,936,539. Jumlah yang telah dibelanjakan sehingga ini ialah \$14.928 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, \$9.237 juta bagi tahun 1981 dan \$12.675 juta bagi tahun 1982 menjadikan jumlah kasar sehingga ini ialah \$36.84 juta. Peruntukan bagi tahun 1983 ialah sebanyak \$13 juta.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen yang berkenaan menyatakan dari segi keselamatan cara pembuangan untuk bahan-bahan nuklear terguna (nuclear waste).

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk menguruskan pembuangan rawatan dan sisa-sisa PUSPATI secara teratur.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. (*Dengan izin*).

The Parliamentary Secretary has stated a few purposes for which PUSPATI has been set up to undertake nuclear research. I have two questions, Tuan Yang Dipertua:

- (i) Does the Government have any intention of doing research so as to make a nuclear bomb in Malaysia?
- (ii) Because nuclear waste is very difficult to get rid of unlike other industrial waste which can

be absorbed into natural cycles, nuclear waste takes hundreds of years to decay altogether and for some elements thousands of years, so there are no actually safe ways to dispose of them. The only safe way is to put them into lead chambers perhaps on the sea-bed, even then it is not 100 per cent safe. Wherever you put nuclear waste it pollutes the atmosphere and changes cell structure. My question is, Tuan Yang Dipertua, how does Government intend to get rid of nuclear waste as a result of the nuclear research?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan tambahan yang pertama, Kerajaan tidak sekali-kali bercadang menjalankan penyelidikan untuk mengeluarkan bom atom. PUSPATI ditubuhkan hanya untuk tujuan penggunaan tenaga atom secara aman.

Untuk menjawab soalan tambahan yang kedua, saya telah menjawab Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah benar tapak asal PUSPATI ini sebenarnya bukan tapak sekarang?

Kedua, jika benar, adakah sebab-sebab perpindahan ke tapak yang baru ini adalah atas sebab-sebab keselamatan?

Ketiga, adakah dengan perpindahan ini, jika benar, Kerajaan telah mengalami apa-apa kerugian akibat kita memindahkan ke tapak yang baru?

Dan keempat, bilakah operasi sepenuhnya PUSPATI ini, adakah mengikut seperti yang dijadualkan?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang Dipertua, tapak untuk PUSPATI pada permulaannya adalah ditempatkan di

Sungai Buluh. Oleh kerana sebab-sebab teknikal dan juga keselamatan, ianya dipindahkan ke Bangi sekarang.

Untuk menjawab soalan tambahan yang kedua berkaitan dengan kerugian, saya tak erti kerugian, di aspek mana kerugian.

Yang ketiga, saya minta Ahli Yang Berhormat mengulangi semula.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Bilakah operasi sepenuhnya?

Tuan Law Hieng Ding: Terima kasih. Tuan Yang Dipertua, reaktor Triga Mark II ini telah dikomisyenkan oleh Yang Berhormat Menteri pada pertengahan tahun ini dan akan menjalankan tugasnya dengan sepenuhnya pada pertengahan tahun depan.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah kemudahan-kemudahan yang sedia ada untuk menghadapi keadaan kecemasan di PUSPATI: Yang pertama misalnya reaktor pecah; yang kedua, kebocoran bekas radioaktif? Dengan izin, (i) overheating and cracking of the reactor; and (ii) seeping of radioactive waste water from circulation system.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang Dipertua, reaktor yang dipunyai oleh Kerajaan kita sekarang ialah reaktor, dengan izin, which is not a pressurised system. Reaktor ini ialah sangat kecil dan mempunyai satu megawatt of thermal power dan dengan rekod dunia, reaktor Triga Mark II adalah sejenis reaktor yang rekod keselamatannya telah terbukti dengan cemerlang kerana ianya mempunyai ciri-ciri keselamatan yang sedia terbina. Dalam rekabentuk bangunan reaktor dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan PUSPATI telah dibantu dengan pakar-pakar yang dihantar oleh IAEA (International Atomic Energy Agency) dan telah mematuhi segala aspek keselamatan

yang disediakan oleh pihak pembuat reaktor. Di serantau Asia Tenggara ini yang ada negara jiran yang telah mempunyai reaktor ini selama 20 tahun tanpa terjadi apa-apa.

KERJASAMA KESELAMATAN SEMPADAN DENGAN THAILAND/ INDONESIA

4. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengadakan perbincangan dengan negara-negara ASEAN mengenai keselamatan sempadan—bersabit dengan pencerobohan warganegara asing dan menjadi lanun di perairan negara kita, yang mengancam keselamatan dan menimbulkan ketakutan kepada nelayan-nelayan kita ke laut, terutama di Kelantan dan perairan Selat Melaka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan mengadakan kerjasama keselamatan sempadan dengan negara-negara Thailand dan Indonesia melalui Jawatankuasa-jawatankuasa Am Sempadan Malaysia-Thailand dan Malaysia-Indonesia. Selain daripada rondaan-rondaan oleh Polis Marin dan Tentera Laut Diraja Malaysia di perairan Malaysia, rondaan-rondaan berkoordinasi telah dilaksanakan dengan pihak Thailand dan Indonesia di kawasan-kawasan berikut bagi membenteraskan pencerobohan warganegara asing dan kejadian-kejadian lanun:

- (a) Kawasan Perairan Perlis-Setul;
- (b) Kawasan Perairan Kelantan-Narathiwat;
- (c) Kawasan Laut China Selatan.

Bagi perairan Selat Melaka Malaysia-Indonesia, rondaan dibuat oleh Polis Marin meliputi kawasan Perairan Wilayah Malaysia hingga ke

sempadan Perairan Indonesia dan pihak Indonesia pula membuat rondaan di kawasan perairannya.

Dalam segi mengeratkan kerjasama meliputi semua aspek masalah kepolisian di antara anggota ASEAN, sebuah badan iaitu ASEANAPOL telah ditubuhkan dalam tahun 1981. Badan ini yang dianggotai oleh Ketua-ketua Polis Negara-negara ASEAN telah mengadakan dua perjumpaan dalam tahun-tahun 1981 dan 1982. Masalah kegiatan lanun di sempadan Perairan wilayah Malaysia-Filipina telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

Bagi mencapai kerjasama dalam semua masalah kepolisian khususnya dalam tindakan mencegah jenayah, Polis Diraja Malaysia dan Polis Singapura telah mengadakan mesyuarat perhubungan dari masa ke semasa sejak tahun 1958 lagi.

Dari tindakan-tindakan kawalan yang diambil kegiatan-kejadian lanun di kawasan perairan Wilayah Malaysia telah berkurangan dari jumlah 31 kejadian pada tahun-tahun 1981 dan 1982 kepada 7 untuk tahun ini. Saya percaya kejayaan berupa pertolongan besar kepada nelayan-nelayan kita yang menangkap ikan di kawasan perairan kita.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri adakah beliau sedar bahawa kawasan yang dimasukki oleh nelayan kita adalah merupakan kepada kebiasaan yang mereka itu menangkap ikan selama turun-temurun di kawasan itu, tetapi pihak berkuasa Indonesia masih menangkap nelayan kita dan bot-bot mereka dirampas dan dikenakan hukuman yang berat. Jadi apakah langkah pihak Kerajaan setakat ini dari segi bukan lanun, tetapi pihak berkuasa Indonesia yang menangkap nelayan-nelayan kita?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi kegiatan-kegiatan di kawasan perairan Malaysia di mana banyak terdapat kegiatan nelayan-nelayan negara kita ini kita kawal dengan rapi dan kita juga koordinasi dengan negara-negara yang berjiran. Setakat ini belum ada maklumat yang mengatakan bahawasanya pihak Indonesia telah membuat tangkapan nelayan-nelayan yang menjalankan usaha penangkapan ikan di perairan kita itu.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Dengan izin*) In discussions with ASEAN countries regarding border security, I would like to ask the Minister in the Prime Minister's Department whether it is also the priority of the Government policy to prevent the entry into Malaysian waters and Malaysian territories of illegal immigrants from the Philippines and Indonesia.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, kegiatan rondaan di perairan Wilayah Malaysia itu bukan hanya setakat hendak mencegah kejadian-kejadian jenayah yang dilakukan oleh lanun-lanun, tetapi ini juga termasuk sebarang pencerobohan daripada pihak asing ke kawasan kita.

SENARAI MENUNGGU TELEFON/ TELEKS

5. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilangan pemohon telefon dan kemudahan-kemudahan teleks yang ada di senarai menunggu di Sarawak; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk

mengadakan kemudahan-kemudahan telekom untuk menampung keperluan yang kian bertambah di negeri tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tarikh 30hb September, 1982 terdapat seramai 8,376 pelanggan di dalam senarai penunggu bagi perkhidmatan telefon dan 245 lagi penunggu bagi kemudahan teleks di Sarawak. Jumlah penunggu kedua-dua perkhidmatan ini di Sarawak boleh dikatakan kecil jika dibandingkan dengan sejumlah 50,065 pelanggan telefon dan 548 lagi pelanggan teleks yang sedia ada sehingga tarikh yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbagai-bagai langkah telah dan sedang diambil oleh Kementerian saya melalui Jabatan Telekom untuk menampung permintaan perkhidmatan ini yang semakin meningkat. Antaranya ialah pertambahan muatan talian Ibusawat dari 54,000 kepada 157,000 talian. Pembesaran Ibusawat teleks juga sedang dijalankan di mana sejumlah 1,500 talian tambahan akan dapat digunakan pada penghujung Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang Dipertua, I wish there is some way to stop the banging from the top of the hall, I could not hear the Parliamentary Secretary very well. But soalan tambahan, dengan izin. According to the reply given just now, over 8,000 are on the waiting list for telephone applications. My question is, what is the target date for getting rid of all backlog of applications seeing that such a small proportion of total numbers are being provided; (2) what are the measures to ensure that future supplies, future projections can be taken care of.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, permintaan bagi telefon itu tidak berhenti-henti. Ini satu perkembangan yang wujud dari semasa ke semasa. Jadi buat sementara ini mengikut kemampuan kita, kita telah pun menyediakan peruntukan sebanyak \$303 juta untuk melaksanakan perkhidmatan telefon di negeri Sarawak.

BANDAR-BANDAR BARU

6. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan bandar-bandar baru yang dibuka oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pusat adalah bertaburan di seluruh negara dan kebanyakan mereka yang menjalankan perniagaan di bandar-bandar ini adalah terdiri dari Bumiputera dan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan untuk membesarkan bandar-bandar ini supaya memberi lebih banyak peluang perniagaan kepada Bumiputera, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, dari awal-awal lagi pada peringkat perancangan bandar-bandar baru ini, keutamaan telah diberi kepada matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru, khas sekali kepada penglibatan kaum Bumiputera dalam kegiatan-kegiatan bandar seperti perniagaan dan perindustrian. Biasanya bandar-bandar baru ini dirancang untuk menampung sejumlah penduduk yang maksima pada dua puluh tahun yang akan datang. Jumlah penduduk pada tiap-tiap lima tahun diunjurkan bersama dengan jumlah peluang pekerjaan dalam tempoh itu. Unjuran ini boleh menjadi asas untuk menentukan selanjutnya peratusan

penglibatan mengikut kaum dalam jenis-jenis pekerjaan termasuk perniagaan.

Ruang-ruang perniagaan untuk kedai-kedai dan gerai-gerai juga diperuntukkan sesuai dengan jumlah penduduk dan cara perniagaan. Perhatian diberi kepada penglibatan kaum Bumiputera supaya tidak kurang daripada 30 peratus dan akan mencerminkan struktur masyarakat bandar itu. Pelaksanaan pembangunan bandar baru dijalankan mengikut fasa-fasa lima tahun dan tiap-tiap fasa yang baru akan memperluaskan lagi penglibatan bumiputera dari segi bilangan dan ruangan.

Dari ini, bolehlah dikatakan bahawa usaha-usaha untuk membesarkan bandar-bandar ini telah pun dibuat dari peringkat permulaan lagi, iaitu pada peringkat perancangan dan perencanaan mengikut fasa-fasa tertentu.

SYARIKAT-SYARIKAT YANG DITUTUP

7. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Perusahaan Awam menerangkan bilangan syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan oleh perbadanan-perbadanan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah ditutup kerana menanggung kerugian mengikut perbadanan-perbadanan berkenaan dan sebab-sebab kerugian dan kegagalannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmood): Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam telah pun menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat pada 29-11-82 semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang berkenaan dengan perkara yang

sama. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang hendak menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

MAKTAB BAHASA

8. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Mandarin, selain daripada Bahasa-bahasa Inggeris, Arab, Jepun, Jerman, Perancis akan diajar di Maktab Bahasa yang akan dibina itu. Bila Maktab itu akan dibuka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang Dipertua, saya suka memaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran tidak mempunyai cadangan untuk menubuhkan sebuah maktab perguruan yang khusus untuk mengajar bahasa-bahasa asing seperti yang disenaraikan oleh Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, Kementerian saya memang mempunyai rancangan untuk menubuhkan sebuah Instituti Latihan Bahasa yang bertujuan pada peringkat awalnya untuk memberikan kursus intensif dalam Bahasa-bahasa Inggeris, Jepun, Korea, Jerman dan Perancis untuk membolehkan calon-calon yang akan melanjutkan pelajaran mereka ke institusi pelajaran tinggi luar negeri, mengikuti kursus masing-masing melalui bahasa pengantar yang tersebut itu.

Kementerian ini tidak berhasrat untuk mengadakan kursus dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Mandarin di Institut ini oleh kerana pada masa ini sudah wujud institusi lain seperti Institut Teknologi MARA, Maktab Perguruan Bahasa dan Pusat-pusat Bahasa Universiti tempatan dan INTAN yang menganjurkan kursus kefasihan dalam Bahasa-bahasa yang tersebut. Adalah dijangka bahawa Institut Latihan Bahasa ini akan menganjurkan kursusnya yang pertama selewat-lewatnya pada awal tahun 1984.

PROJEK MINI-HIDRO

9. Datuk Edwin Anak Tangkun minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang untuk menggalakkan perubahan projek mini-hidro di seluruh negara memandangkan harga disel dan petrol selalu meningkat naik.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang menjadi hasrat Kerajaan untuk menggalakkan penubuhan projek-projek mini-hidro di seluruh negara. Penjanaan kuasa elektrik dari mini-hidro menunjukkan kelebihanannya dari segi ekonomi dalam jangka panjang bila dibandingkan dengan penjanaan kuasa elektrik daripada diesel, oleh yang demikian sangatlah sesuai dilaksanakan di dalam konteks rancangan pembekalan elektrik luar bandar.

Dari hakikat ini, Kerajaan telah mengarahkan LLN untuk melaksanakan 23 projek perintis di Semenanjung Malaysia. Setakat ini 7 dari projek tersebut telah pun siap dan sedang di dalam kendalian atau ujian akhir, sementara 11 lagi akan diuji pada tahun hadapan, lima dari 23 projek perintis tersebut pula sedang dilaksanakan oleh Syarikat Swasta secara kontrak "turnkey" dan akan siap bulan Februari tahun hadapan.

Untuk menjayakan rancangan bekalan elektrik luar bandar Kerajaan akan juga bercadang melaksanakan 102 buah lagi projek mini-hidro di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Lapan puluh dua daripada projek tersebut akan terletak di Semenanjung Malaysia, sementara 10 buah terletak di Sabah dan 10 buah di Sarawak. Untuk membantu Lembaga Letrik Negara, Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak dan Lembaga Letrik Sabah melaksanakan rancangan ini, Kerajaan telah melantik tiga buah Tetuan Perunding untuk menjalankan kerja mengenal pasti dan membuat

taksiran ekonomik serta rekabentuk tapak-tapak sesuai.

Kajian konsultan-konsultan tersebut telah pun siap dan agensi-agensi berkenaan sedang merancang untuk melaksanakan syor-syor dibuat oleh konsultan-konsultan tersebut.

Di Semenanjung tapak-tapak yang disyorkan itu akan dibangunkan di dalam tiga peringkat. Untuk peringkat pertama 14 tapak telah dipilih oleh LLN dan "prequalification", dengan izin, untuk membekalkan jentera mini-hidro bagi sebahagian dari projek-projek ini telah dipanggil. Pembiayaan kos seberang laut bagi projek-projek mini-hidro di Semenanjung Malaysia sedang dirundingkan dengan Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia.

Di Sarawak pembangunan 10 tapak mini-hidro yang terpilih akan dilaksanakan di dalam 3 peringkat juga. Pada peringkat pertama sebanyak 3 tapak akan dibangunkan, iaitu Kalamuku, Sebako dan Lundu. Kontrak untuk kerja mekanikal dan elektrik bagi projek Kalamuku telah pun ditawarkan manakala kontrak untuk kerja civil akan ditawarkan pada bulan Disember tahun ini.

Tender-tender untuk kerja-kerja civil bagi projek-projek Sebako dan Lundu telah dibuat dan penilaian tender-tender ini telah pun selesai pada bulan Julai tahun ini. Tender-tender untuk kerja-kerja mekanikal dan elektrik telah juga dibuat dan telah ditutup pada bulan September tahun ini.

Pengeluaran tender-tender bagi projek-projek Semadon, Batu Lintang dan Saliban telah ditunda ke bulan November 1982 manakala kontrak-kontraknya dijangka ditawarkan pada bulan Mac tahun hadapan.

Pelaksanaan 4 projek yang selebihnya iaitu Wong Silau, Kejun, Mediou dan Giam akan ditunda

sehingga selepas selesainya kajian Pertengahan Rancangan Malaysia Keempat pada bulan Jun tahun hadapan.

Di Sabah, rancangan yang terperinci bagi pembangunan 10 tapak mini-hidro yang disyorkan oleh pihak konsultan belum lagi selesai dibuat. Namun begitu sebuah projek mini-hidro di Kundasang yang berkeupayaan 300 kw sedang dibina dengan menggunakan pembiayaan dari Kerajaan Negeri Sabah.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen berkenaan ada menjelaskan beberapa projek mini-hidro akan dilaksanakan di Semenanjung Malaysia. Saya ingin bertanya dari segi operasi semua projek mini-hidro, adakah pada akhirnya kuasa elektrik yang dikeluarkan ini dimasukkan dan diselesaikan dalam National Grid ataupun projek ini untuk tempat yang ditetapkan sahaja dengan asing tidak dimasukkan dalam National Grid.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, pada amnya skim-skim mini-hidro itu akan dibina secara berasingan daripada National Grid tetapi sekiranya terdapat tempat-tempat tertentu yang akan membolehkan percantuman itu, mungkin itu akan dilakukan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bahawa mini-hidro akan dilaksanakan di Malaysia sebagai satu konteks rancangan elektrik luar bandar. Soalannya, adakah LLN merancang atau mencadangkan supaya menurunkan bayaran tarif, kerana yang hendak membuat mini-hidro ini adalah di luar bandar yang akan dimasukkan elektrik ke kawasan-kawasan dalam negara kita ini.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, buat sementara ini Kerajaan tidak ada kadar-kadar yang baru bagi kawasan luar bandar melainkan ini ada disamakan dengan kawasan-kawasan yang lain juga.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa projek-projek mini-haidro adalah tidak begitu ekonomik memandangkan bahawa infrastruktur negara kita yang luas kawasan, kampung dan bandar yang berpulau dan bersungai (scattered infrastructure). Kalau sedar, adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan pada masa depan sumber tenaga seperti solar, batu arang dan tenaga wheel dan wind energy.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, rancangan mini-haidro ini akan dilaksanakan di tempat-tempat yang terpencil sahaja. Bagi kawasan-kawasan di mana bekalan itu dapat diberi mengikut rangkaian yang sudah ada kita akan memberi bekalan dalam rangkaian yang ada itu. Memang benar Kementerian saya telah menukar satu strategi iaitu kita akan menguji supaya menggunakan batu arang, gas LNG dan bagi energy solar itu sedang dikaji secara kecil-kecilan sahaja.

Tuan Daud bin Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi jangkakan peratusan tenaga-tenaga mengikut haidro, minyak, gas, matahari ataupun batu arang bagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi mengikut peratusan di dalam rancangan hitung panjang dan kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk terus menghapuskan penggunaan tenaga minyak memandangkan harga minyak yang sentiasa bertambah dan juga kemungkinan pada satu masa minyak akan habis?

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, secara am sahaja bagi tahun 1980 negara kita menggunakan lebih kurang 85% minyak untuk menjanakan kuasa kita. Selain daripada itu, kita hanya menggunakan lebih kurang 15% sahaja melalui haidro dan adalah dirancangan bahawa pada tahun 2,000 kita akan bergantung atas minyak 4% sahaja iaitu kita akan menambah kegunaan haidro, gas, batu arang dan sebagainya dan pergantungan atas minyak itu menjadi 4% sahaja.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu anggaran perbelanjaan bagi keseluruhan 102 buah mini-haidro yang dirancangan oleh Kementerian berkenaan dan berapakah peratus dari perbelanjaan tersebut dibayar kepada konsultan dan dari mana konsultan ini adakah daripada luar negeri atau dalam negeri?

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, saya memerlukan notis untuk menjawab soalan ini.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Wan Ibrahim bin Wan Abdullah.

(Soalan No. 10 Y.B. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah tidak hadir).

BAYARAN BIL-BIL TELEFON

11. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) mengikut rekod berapakah jumlah bil-bil telefon yang telah dilaporkan dikenakan bayaran tidak berpatutan dan tidak mengikut kiraan sebenar bagi tahun 1980, 1981 dan 1982;
- (b) sama ada kedapatan bahawa sebab-sebab berlakunya kesilapan tersebut bukanlah

kerana kesilapan teknik tetapi atas sebab kecuaiian; dan

- (c) jika ada apakah tindakan yang telah diambil ke atas yang terlibat.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa secara keseluruhannya Jabatan Telekom mengeluarkan sebanyak 550,000 bil sebulan sehingga Ogos 1982. Daripada jumlah ini, sungutan yang diterima berkenaan dengannya adalah sebanyak 0.3% yakni lebih kurang 1,650 aduan setiap bulan. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tersebut cuma 0.03% sahaja aduan yang didapati berasas serta diberikan penyalarsan kredit sementara bakinya dikekalkan bayaran sebagaimana yang dibilkan.

Mengenai bil-bil telefon yang telah dilaporkan dikenakan bayaran tidak berpatutan; bagi tahun 1980 jumlahnya ialah 13,960; bagi tahun 1981 18,667; bagi tahun ini hingga Ogos 11,840.

Mengenai punca berlakunya kesilapan-kesilapan bil itu adalah sukar bagi Kementerian saya untuk menyatakan dengan tepat sama ada ianya kesilapan teknik ataupun kecuaiian. Walau bagaimanapun, suka saya tegaskan bahawa setiap aduan yang diterima mengenai perkara ini Jabatan Telekom akan menyelidik secara terperinci dan alatan ibusawat pelanggan bagi menentukan sama ada ianya berada dalam keadaan yang baik ataupun tidak. Di dalam proses penyiasatan tersebut juga jika didapati bahawa kesilapan-kesilapan yang berlaku adalah berpunca daripada kecuaiian maka tindakan disiplin yang bersesuaian akan dikenakan ke atas kakitangan berkenaan. Pada hakikatnya jika sesuatu aduan itu didapati benar maka penyalarsan yang bersesuaian berdasarkan kepada formula-formula yang telah ditetapkan

akan diberikan kepada pelanggan yang terlibat.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan amat sukar untuk mencari apakah punca-punca kesilapan berlakunya bil-bil yang salah mungkin soal teknik atau kecuaiian dan sehingga setakat ini saya ingin mengetahui adakah sudah didapati daripada beribu-ribu kes yang ada mereka yang melakukan kecuaiian, dan kalau ada, apakah tindakan yang telah diambil kepada mereka-mereka yang berkenaan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, setakat ini hanya cuma terdapat satu kes sahaja, yakni di Besut, Terengganu yang mana kesilapannya adalah disebabkan oleh kecuaiian anggota. Oleh kerana itu adalah satu kesilapan yang tidak sengaja tindakan amaran pun telah diberi kepada anggota yang berkenaan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana sukarnya untuk mengesan sama ada kesilapan itu dari segi teknik ataupun dari segi kecuaiian, jadi saya ingin tahu daripada Kementerian yang berkenaan tidakkah ada satu cara bagaimana apabila kedapatan bil-bil itu tidak berpatutan harus disemak terlebih dahulu sebelum diberi kepada pengguna-pengguna.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, soal semacam itu telah pun dibangkitkan. Walau bagaimanapun, izinkan saya mengulangi bahawa Jabatan Telekom tiap-tiap bulan mengeluarkan walaupun tadi dalam jawapan saya telah menyebutkan sebanyak 550,000 tetapi sebenarnya telah melebihi daripada angka yakni lebih kurang 700,000 dan adalah sukar

bagi Jabatan Telekom untuk menyemak dua kali bil-bil ini. Ini bermakna kita akan menyemak 1.4 juta bil sebelum dikeluarkan. Oleh itu kita harus bergantung atas computer yang pada keseluruhannya adalah betul dan jika didapati kesilapan-kesilapan yang telah berlaku tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Daud bin Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada Kerajaan sedar ada terdapat juga pengguna-pengguna yang masih suka menggunakan panggilan jauh atau panggilan keluar melalui operator dan tidak menggunakan secara panggilan automatik disebabkan kemungkinan-kemungkinan oleh sebab pertalian mereka dengan operator-operator, mereka tidak payah membayar dan dapat percuma menggunakan panggilan tersebut? Apakah Kerajaan bercadang untuk menentukan supaya semua panggilan luar tidak lagi dibolehkan melalui operator tetapi ditentukan supaya boleh dapat hanya dengan secara automatic call?

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, buat sementara ini hanya pelanggan-pelanggan tertentu sahaja dapat menggunakan dial terus. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang berusaha supaya membolehkan rakyat kita membuat panggilan secara langsung tidak lama lagi. Buat sementara ini kita terpaksa bergantung kepada operator-operator tetapi bilangannya adalah terhad. Oleh sebab itu apabila kita memusing telefon No. 108 mungkin tidak dapat dijawab dengan segera oleh sebab panggilan adalah melebihi daripada operator yang berkhidmat dalam Jabatan Telekom itu.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Karpal Singh tidak hadir).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Awang bin Jabar.

(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Awang bin Jabar tidak hadir).

TINGKATAN VI—BILANGAN MURID

14. Dato' Lee Kim Sai minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan dan pecahan kaum murid-murid yang diambil untuk Tingkatan VI sekolah Kerajaan di Semenanjung Malaysia lima tahun yang lalu.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah bilangan murid yang telah diambil untuk memasuki Tingkatan VI Rendah semenjak lima tahun yang lalu ialah 85,436 orang.

Dari jumlah ini seramai 46,075 orang murid telah diambil untuk memasuki Tingkatan VI Rendah Sains yang terdiri daripada 27,454 orang murid Bumiputera, 16,812 orang murid Cina, 1,488 orang murid India dan 320 orang murid dari kaum-kaum lain.

Manakala bagi jurusan Sastera pula 39,361 orang murid telah diambil terdiri dari 25,787 orang murid bumiputera, 10,589 orang murid Cina, 2,722 orang murid India dan 263 orang murid dari kaum-kaum lain.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Apakah kelayakan yang diperlukan untuk memasuki ke Tingkatan VI dan apakah jenis point system yang digunakan untuk pelajar-pelajar bumiputera dan bukan bumiputera?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, kriteria pemilihan ialah seperti berikut:

Jurusan Sains

Murid-murid mesti mendapat Gred I atau II dan juga tiga mata

pelajaran terbaik daripada tiga kumpulan mata pelajaran dengan mendapat jumlah aggregate maxima 10 hingga 13 unit bagi bukan bumiputera, sampai ke 15 unit bagi bumiputera.

Subjek-subjek di dalam tiga kumpulan ini ialah:

<i>Kumpulan</i>	<i>Mata Pelajaran</i>
A ..	Hisab Moden atau Hisab Tambahan
B ..	Fizik
C ..	Kimia
D ..	Biologi

Jurusan Sastera

- (1) Calon-calon mesti mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia.
- (2) Mesti mendapat kelulusan di dalam tiga mata pelajaran terbaik dari tiga kumpulan mata pelajaran dengan mendapat jumlah aggregate maxima 14 unit untuk calon-calon bumiputera dan juga calon-calon bukan bumiputera.

Kumpulan mata pelajaran ialah seperti berikut:

<i>Kumpulan</i>	<i>Mata Pelajaran</i>
A ..	Bahasa Malaysia atau Kesusasteraan Melayu
B ..	Bahasa Inggeris atau Kesusasteraan Inggeris
C ..	Geografi
D ..	Sejarah
E ..	Pengajian Islam atau Pengajian Islam Tinggi
F ..	Prinsip Akaun atau Akaun atau Mata Pelajaran Perdagangan
G ..	Hisab Moden atau Hisab Tambahan atau Rampaian Sains atau Rampaian Sains Tambahan atau Sains Pertanian

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan.

Memandangkan angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tadi bahawa didapati kurang murid-murid keturunan Cina diambil untuk jurusan kesusasteraan. Adakah benar salah satu sebabnya mereka ini kurang cekap lulus dalam Bahasa Malaysia dengan kepujian? Kalau benar, adakah Kerajaan mengambil langkah-langkah positif untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid-murid keturunan Cina?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, selain dari sebab-sebab lain, memang benar kekurangan calon-calon dari kumpulan bukan bumiputera tidak ramai oleh kerana mereka adalah lemah di dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Saya haraplah barangkali juga selain dari langkah-langkah yang diambil dan juga akan diambil oleh pihak Kerajaan saya juga haraplah Wakil-wakil Rakyat dan juga ahli-ahli politik termasuklah ahli politik dari parti Pembangkang juga boleh memberi penjelasan iaitu haruslah murid-murid bukan bumiputera mestilah memberi perhatian yang berat terhadap Bahasa Malaysia dan bukan hanya selalu menyuarakan sahaja dan memuji mereka untuk memberi kepentingan ke atas bahasa Mandarin sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memang penguasaan Bahasa Malaysia tidak akan menjadi suatu masalah. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetahui bahawa peratus jurusan sains lebih daripada 46,000 dan jurusan sastera itu lebih daripada 36,000, berapa peratuskah yang masuk universiti akhirnya?

Tuan Yang Dipertua: Saya ingat soalan itu tidak berbangkit. Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim.

(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Seow Hun Khim tidak hadir).

KEMUDAHAN ASAS KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK LADANG

16. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah kemudahan-kemudahan asas seperti air, api elektrik dan lain-lain kemudahan asas yang dinikmati oleh penduduk luar bandar akan dapat diberi kepada penduduk-penduduk di ladang-ladang yang telah dibahagi-bahagikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, adalah didapati bahawa kemudahan-kemudahan asas yang dinikmati oleh penduduk-penduduk di ladang-ladang adalah jauh lebih baik daripada kemudahan-kemudahan asas yang dinikmati oleh penduduk-penduduk kampung tradisional. Sebagai contoh ladang-ladang yang mendapat bekalan air mengikut kategori ladang adalah seperti berikut:

- Ladang Getah 97%.
- Ladang Kelapa Sawit 99%.
- Ladang Kelapa 99%.
- Ladang Teh 100%.
- Ladang Nenas 100%.

Bekalan Elektrik:

- Ladang Getah 80%.
- Ladang Kelapa Sawit 99%.
- Ladang Kelapa 96%.
- Ladang Teh 44%.
- Ladang Nenas 100%.

Peratus kemudahan asas yang dinyatakan di atas adalah mengikut kajian sample yang telah dikaji bagi jenis ladang-ladang tersebut.

Walau bagaimanapun, pembekalan kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang adalah tertakluk kepada beberapa syarat, di antaranya:

- (1) Mengenalpasti bidang kuasa pihak pengurusan ladang

mengenai kewajipan dan tanggungjawab mereka di dalam menyediakan kemudahan-kemudahan asas dalam sektor perladangan mereka.

- (2) Mengenalpasti peruntukan undang-undang mengenai kajian-kajian bagi menyediakan kemudahan-kemudahan di atas dan tanggungjawab yang berkenaan dari segi pembiayaan dan penyelenggaraan.
- (3) Mengenalpasti masalah-masalah sebenar yang dihadapi dalam menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang berkenaan.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: Untuk seorang sahaja Ahli Yang Berhormat.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bilakah agaknya di dalam perancangan Kerajaan, Kerajaan boleh memberi sepenuhnya kepada seluruh tempat yang mempunyai penduduk akan bekalan api, air dan lain-lain kemudahan asas memandangkan.

Tuan Yang Dipertua: Air, api dan lain-lain itu apa dia?

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Kemudahan asas.

Tuan Yang Dipertua: Bila agaknya tiap-tiap manusia dalam Malaysia ini boleh dapat air, api dan kemudahan asas tiap-tiap orang itu.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, memanglah amat sukar bagi saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kemudahan asas yang boleh disediakan kepada semua

penduduk-penduduk khasnya di luar bandar. Tetapi adalah menjadi matlamat Kerajaan berusaha dan di sini saya bolehlah menyatakan targetnya itu mungkin pada tahun 1990 mengikut keperluan yang ada.

Tuan Yang Dipertua: Masa Soal Jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10, 12, 13, 15, 17 hingga 19 adalah).

PROJEK PERBADANAN KERAJAAN NEGERI YANG RUGI

10. Wan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapa banyakkah projek-projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kerajaan-kerajaan Negeri yang gagal/rugi dan berapa jumlah kerugian yang ditanggung oleh tiap-tiap Perbadanan itu.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Soalan ini telah dijawab pada 29-11-82.

KETUA POLIS NEGARA— PEMBUNUHAN ALLAHYARHAM TAN SRI ABDUL RAHMAN

12. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada siasatan Polis terhadap pembunuhan Allahyarham Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahman pada tahun 1974 telah selesai; jika tiada berikan sebab-sebab kelewatan dalam menyelesaikan perkara ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Siasatan Polis dalam perkara pembunuhan Allahyarham Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahman, pada tahun 1974 telah selesai. Siasatan menunjukkan bahawa dua orang bernama Lim Woon Chong dan Eng Foo Nam adalah bertanggungjawab dalam pembunuhan itu. Mereka juga adalah orang-orang yang telah

melakukan pembunuhan terhadap mendiang Ketua Polis Perak, Tan Sri Khoo Chong Kong. Sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sedia maklum kedua-dua mereka itu telah dituduh membunuh mendiang Ketua Polis Negeri Perak dan didapati salah oleh Mahkamah Tinggi Ipoh pada 23hb Mac, 1978. Rayuan mereka telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan dan Jumaah Pengampunan bagi Kes-kes Keselamatan. Hukuman mati yang dikenakan ke atas mereka telah pun dijalankan pada 14hb Mac, 1980. Oleh yang demikian tuduhan yang dibuat ke atas mereka kerana membunuh Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman terpaksa ditarik balik pada 13hb Mac, 1980.

KAD PENGENALAN—TEMPOH PENGLUARAN

13. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab kelewatan yang begitu lama, yang kadang-kadang berlaku dalam pengeluaran Kad Pengenalan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tempoh pengeluaran Kad Pengenalan bagi pemohon-pemohon biasa seperti keluaran kad pertama bagi kanak-kanak yang meningkat umur 12 tahun atau gantian kad pengenalan rosak, hilang dan gantian di bawah Peraturan 16 iaitu gantian yang diwajibkan selepas 6 tahun daripada tarikh keluar Kad Pengenalan yang pertama, hanya memakan masa 3 atau 4 bulan sahaja.

Kelewatan dalam pengeluaran Kad Pengenalan mungkin berlaku ke atas permohonan yang dibuat melalui Daftar Lewat. Permohonan Daftar Lewat Kad Pengenalan ini adalah permohonan kad pengenalan pertama daripada mereka yang telah berumur lebih daripada 16 tahun dan ada kalanya tidak mempunyai surat beranak atau tanpa dokumen yang lengkap sebagai bukti kelahiran atau pemaustautinan atau kerakyatan

negara ini. Kebanyakan kes-kes ini adalah meragukan dan terpaksa disiasat dengan lebih lanjut serta teliti dan di antaranya perlu dirujuk kepada jabatan-jabatan atau pihak lain bagi memastikan bahawa maklumat-maklumat adalah benar sepertimana yang dinyatakan sebelum keputusan dapat dibuat. Sering juga berlaku pemohon sendiri atau penganjur tidak dapat dikesan atau tidak tampil memberi maklumat yang penting mengenai permohonan mereka.

Walau bagaimanapun, selaras dengan usaha mempercepatkan lagi pengeluaran Kad Pengenalan adalah diharap mendapat bantuan dan kerjasama daripada Wakil-wakil Rakyat, Ketua-ketua Kampung atau Ketua Kaum memberi peringatan atau nasihat kepada orang ramai agar tidak mencuaikan keperluan memohon Kad Pengenalan secepat mungkin menurut undang-undang dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang lengkap dan butir-butir yang betul.

DACING TRADISIONAL

15. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada dacing tradisional seperti yang digunakan oleh kedai-kedai ubat Cina boleh digunakan di bawah sistem metrik.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat hanya dacing kayu tradisional yang dikenali sebagai liteng sahaja boleh digunakan di kedai-kedai ubat Cina, dengan syarat liteng tersebut mestilah ditentukkan (calibrated) di dalam Unit Metrik iaitu miligram dan gram.

PENDATANG HARAM INDONESIA/ FILIPINA

17. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan

jumlah permohonan yang diterima dari pendatang-pendatang haram Indonesia dan pelarian-pelarian Filipina setakat 1-9-82 untuk menjadi Warganegara Malaysia, jumlah yang diluluskan; jumlah yang ditolak; jumlah yang masih dalam pertimbangan; jumlah permohonan yang diterima dari golongan-golongan yang tersebut di atas untuk mendapatkan taraf pemaustautin tetap, jumlah yang dilulus, jumlah yang ditolak dan jumlah yang masih menunggu keputusan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Jawapannya ialah tidak ada.

KEMALANGAN KAPAL TERBANG CESSNA—HASIL SIASATAN

18. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pengangkutan menyatakan hasil siasatan yang dijalankan ke dalam terhempasnya sebuah kapal terbang Cessna kepunyaan Kelab Penerbangan Diraja Selangor dekat Bentong tahun lalu yang mana kapal terbang tersebut dipandu oleh Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, dan dua nyawa telah terkorban akibat terhempasnya kapal terbang tersebut.

Dato' Lee San Choon: Mengikut laporan siasatan yang telah dikemukakan oleh Ketua Inspektor Siasatan Kemalangan-kemalangan Pesawat, pesawat Cessna tersebut telah jatuh terhempas setelah terlanggar dengan lereng sebuah bukit apabila pemandu pesawat cuba untuk membawa pesawat keluar daripada berada dalam awan tebal yang mengkaburkan penglihatan (visibility).

PELARIAN FILIPINA DI SABAH

19. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah pelarian Filipina di Sabah pada masa ini, bilangan yang

dihantar balik dari Sandakan, Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kudat, Labuan dan Kota Kinabalu dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kebanjiran pelarian Filipina ke Sabah.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Jumlah pelarian Filipina yang berada di Sabah adalah dianggarkan seramai lebih kurang 92,000 orang.

Jumlah pelarian Filipina yang dihantar balik sehingga Oktober 1982 ialah seramai 7,109 orang.

Berbagai langkah telah diambil bagi mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram termasuklah rondaan oleh Pasukan Keselamatan bukan sahaja di laut tetapi juga rondaan udara. Bagi mereka yang ditangkap memasuki negara ini secara haram, mereka akan diusir keluar.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, saya suka saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 6.30 petang atau sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) (No. 2) dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan, dan usul Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981 dan usul Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1982 diluluskan mengikut mana yang terkemudian.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 6.30 petang atau sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) (No. 2) dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan, dan usul Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981 dan usul Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1982 diluluskan mengikut mana yang terkemudian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1981 DAN 1982) (BIL. 2)

DAN

USUL-USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (BIL. 4) 1981

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (BIL. 2) 1982

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) (Bil. 2) dan Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1982 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Kedua)

*Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa.*

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 42 dan B. 43 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 39 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1982)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B. 42 dan B. 43 dan Maksud P. 39 di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri terbuka untuk dibahas.

3.39 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Tidak payah tengok ke belakang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya bangun atas satu prinsip sahaja. Kerajaan hendak meminta \$12,000 juta untuk diluluskan di Dewan yang mulia ini. Bagi pendapat saya walaupun sebahagian besar wang ini telah digunakan tetapi kita hendaklah adakan suatu accountability yang telah disebutkan oleh Ketua Audit Negara.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap tentang mana, pecahan berapa?

Dr Tan Seng Giaw: Pecahan B. 43.

Tuan Pengerusi: B. 43?

Dr Tan Seng Giaw: Ya, mengenai alat-alat micro-film. Jadi dengan hal micro-film ini wang yang diminta \$344,993 termasuklah membeli micro-film. Jadi, di sini saya terdapat suatu bukti di mana Jabatan Pendaftaran Negara pada Mac, 1979 telah mengadakan suatu stok micro-film yang mendedahkan bahawa 253 gulung tidak dapat digunakan oleh kerana tempoh penggunaannya telah luput. Oleh kerana stok berkenaan

disimpan oleh pembekal disebabkan oleh kekurangan tempat menyimpan stor di Jabatan dan oleh kerana ketiadaan buku stok yang betul diselenggarakan, saya telah dapat menentukan sama ada filem-filem tersebut sebenarnya dipunyai oleh Jabatan itu. Pengeluaran alat-alat stor telah tidak disokong dengan sempurna oleh baucar-baucar pengeluaran stok yang ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab. Kes micro-films itu tidak dapat ditentukan oleh kerana rekod-rekod pembelian juga tidak dapat diperolehi.

Saya di sini menyeru supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri membuat suatu penyiasatan yang selanjutnya untuk mengetahui bagaimana stok-stok micro-film itu dapat diletakkan di stor dan tidak digunakan sama sekali sebab permintaan yang baru ini dan nilai untuk micro-films itu lebih daripada \$135,000 pada tahun 1979 dan didapati juga 45 kotak mengandungi kepingan-kepingan ledgers pag clear plastic dan sebuah laminating machine yang mahal. Jadi, nampaknya bekalan-bekalan dan alat-alat yang diterima telah tidak diperiksa untuk menentukan kebetulannya sebelum pembayaran dibuat. Di sini saya berpendapat dengan permintaan \$344,993 kita hendaklah mengambil perhatian bila membeli micro-films dan alat-alat yang lain supaya sebelum kita keluarkan semua baucar-baucar.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Pengerusi, saya hairan kenapa Yang Berhormat sebut jumlah yang saya rasa tidak berapa tepat dan yang kedua, saya minta Yang Berhormat itu menumpukan kepada tajuk yang sebenar.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, tajuk yang sebenarnya janganlah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri membazirkan wang rakyat

dengan menyimpan micro-films yang telah dibeli itu di stor dan tidak menyamak, tidak diperiksa dengan betul-betul. Oleh itu saya dari segi accountability awam kita hendaklah mengelakkan perbuatan-perbuatan yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

3.45 ptg.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

Tuan Pengerusi, sekejap tadi saya rasa hairan apakala mendengar bahawa Yang Berhormat dari Kepong bercanggah dari segi pendapatnya dengan Yang Berhormat dari Kota Melaka oleh sebab pada satu hari dahulu, kalau saya tidak lupa, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah memuji tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Pendaftaran. Walau bagaimanapun, itulah yang telah disarankan, yang mana saya rasa, ini adalah sesuatu penghargaan yang tepat.

Yang kedua, sukalah saya nyatakan kepada Majlis ini iaitu jumlah \$196,043 adalah merupakan peruntukan membeli kelengkapan micro-film untuk memikrofilemkan rekod-rekod Jabatan. Ini perlu dan setakat ini 5 juta keping Kad Pengenalan telah selesai dimikrofilemkan. Jadi memang keperluan untuk membeli micro-film ini wujud dan pihak saya rasa hairan kenapa pihak Yang Berhormat dari Kepong tidak bersetuju dengan pembelian micro-film yang disebutkan tadi dan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Beri jalan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tidak payah saya beri jalan, Tuan Pengerusi, sebab apa yang dinyatakan oleh beliau itu terang dan nyata, jadi tidak payah mendengar cerita-cerita yang tidak begitu memberi faedah. Dan jika ada sesuatu yang tidak

berjalan dengan baik, suatu yang agak kurang lancar, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan mengendalikan penyiasatan dan akan menyelenggarakan tugasnya dengan sepenuh hati supaya sesuatu yang kita laksanakan adalah selaras dan sejajar dengan apa yang sering kita perkatakan iaitu Cekap, Bersih dan Amanah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$32,600 untuk Maksud B. 42 dan \$344,993 untuk Maksud B. 43 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$32,600 untuk Maksud B. 42 dan \$344,993 untuk Maksud B. 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$326,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 39 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$326,000 untuk Maksud P. 39 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1982.

Maksud B. 46 dan B. 48 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 46 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B. 46 dan B. 48 dan Maksud P. 46 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas.

3.49 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I wish to refer to Maksud P. 48.

This House is asked to approve a sum of \$11,484,491 for the Information Department, out of which \$10.6 million is for additional expenses incurred by the Department for the 1982 General Elections and another \$882,127 to pay travelling claims, purchase of furnitures and reference materials for the Special Affairs Division of the Information Department.

The Information Department, though supposedly a Government Department, is an appendage of the Barisan Nasional. It was not only in the last General Elections, but in the previous General Elections and in by-elections it has given rise to discussion as to whether the Department is truly a Government Department or a department belonging to the Barisan Nasional party conducting propaganda campaign on behalf of the Barisan Nasional. Vans of the Information Department were used extensively during the last General Elections to campaign for the Barisan Nasional and whenever and wherever the Opposition held *ceramahs* one can be sure the Information Department will screen film shows nearby as a bait to lure the people away from the *ceramahs* and in their so-called briefings on the election they never failed to ask the people to vote for the Barisan Nasional. Poster strips and giant hoardings were put up all over the country with the words "Bersih, Cekap dan Amanah". This is an abuse of Government funds. Where is the "amanah"—the truth—when the Government makes no distinction between party and Government and where Government facilities were used for party purposes.

Recently during the Kepayang by-election, the Information vans went

round announcing the date and time of MCA *ceramahs*. Surely this is not the responsibility of the Information Department and yet the Information Department was blatantly doing this. I am sure the Minister is going to say that the extra expenses were necessary because of the need to educate the public about General Elections. We have been independent for 25 years and our people are matured enough to vote for a party of their.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Minta jalan. Nanti sekejap, dia tak duduk lagi. Sekarang dia beri jalan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan 46 Kementerian ini berkehendakkan \$1,290,148 untuk membeli filem dokumentari dan juga 3 buah filem "trailers" dan juga di bawah Bekalan 48 peruntukan \$11 juta ialah untuk membeli perabut dan persiapan pilihanraya umum. Jadi saya rasa tidak ada kena mengena dengan *ceramah-ceramah* yang disebutkan tadi. Tidak ada kaitan langsung kerana peruntukan sebanyak \$882,000 ini untuk membiayai tuntutan perjalanan dan pembelian perabut dan juga \$10 juta ini diperlukan untuk membuat persiapan pilihanraya umum 1982, jadi tidak disebutkan peruntukan ini untuk *ceramah*.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dikatakan tak bersangkutan dalam perkara ini. Saya beri keputusan saya dahulu iaitu saya rasa ucapan Ahli dari Sandakan adalah bersangkutan dengan kerana disebutkan \$10,602,364 diperlukan untuk membuat persiapan pilihanraya umum, 1982. Saya rasa ia mengikuti tatatertib Peraturan Mesyuarat. Sila teruskan.

Tuan Fung Ket Wing: We have been independent for 25 years and our people are matured enough to vote for

a party of their liking and there is no need for the Information Department to go round educating the people. The role of the Information Department must be clearly spelt-out and proper guidelines laid down so as to ensure that the Information Department is not an appendage of the Barisan Nasional.

3.55 *ptg.*

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, in the Supplementary Estimates for 1982, the sum of \$1,290,148 under Operation expenses was spent for 14 documentary films and 3 trailers connected with the General Election under Maksud B. 46. Also out of \$11,484,491 allocated to the Information Ministry for 1982 under Maksud P. 46, \$10,602,364 had also been spent to inform the people of the election arrangements. Because the money was spent in connection with the elections, I want to talk a bit about the role the Information Department in the General Election itself.

Now the Supplementary Note says that the purpose of the expenses was for telling the people the arrangements for elections. I would like to raise this question here: What should be the task of the Information Ministry during a General Election? Is it just to inform the people the time and the place of voting, or that they must bring their identity cards to the polling stations? Is it merely to provide information about the General Election?

Tuan Pengerusi, I contend that the duty of the Information Ministry and the Information Department is not only to inform the people of the election arrangement but also to educate the people about the meaning and spirit of a democratic choice involved in an election. We are a young democracy and very often the

Government gives all sorts of reasons for imposing various kinds of limits in our democratic freedom including the fact that people are still immature politically so that they can be easily influenced and inflamed. So, let us face it. The only key to success in the Malaysian democratic experiment is for the people to develop their political maturity so that they can make their political choice with exercising their rights of franchise placed on the correct criteria of choice. So, from a long-term point of view only when the voters can make political judgment independently that ultimately the tenet of democracy, i.e. that a democratic government is a government of the people, by the people and for the people, irrespective of whosoever is in power, that tenet can find fertile soil. No period of time is more suitable for educating the public, the voters, than election time as political fever is high and voters inevitably are aroused up and are especially receptive to all kinds of information about the election process, especially when the information comes from the Government Information Department.

For instance, humorous suite can be shown on RTM programmes teaching the voters not to vote for a certain candidate just because he is more handsome than another candidate and that he comes from a certain race or religion—the RTM can teach the people just to vote on that basis. Interviews can be shown as conducted with Election Commission personnel about election offences highlighting, for instance, the evil of gambling in election results. The people should not gamble on an election and people should not vote on the strength of their betting. In Malaysia the people have no advantage of a long democratic tradition, Tuan Pengerusi. They must be told, they must be taught about this age-old time tested system of

democratic choice, what it is all about. The people must be told also of illegal and distorted forms of vote buying, of election corruption, such as treating voters to feasts, providing travelling fares for voters and cash if the voters happen to be away from home at the time of voting.

Tuan Pengerusi, we must not allow the unscrupulous politicians to take advantage of what the Barisan Nasional calls the political immaturity of the people to hoodwink the people themselves. All about the "do's and don't's" of an election which has been given to the candidate must also be told to the people, the voters, especially the voters in the rural areas. It should have been the job of the Election Commission, perhaps, the Minister can reply, but unfortunately the Election Commission which is directly responsible to the Yang di-Pertuan Agong is very limited in its manpower and resources. So it should be the duty of the Information Department to inform the people so that they would be vigilant against election offences and corruption. In fact, the voter should be educated to come forth to the political parties concerned, the Police or the Election Commission about any actions by any candidates which have contravened the Election Offences Act. Especially in the case of election laws, these laws are probably the most important legislation in a democracy since it involves change in political power, how political power is determined.

Furthermore, Tuan Pengerusi, I contend that the Information Ministry, in future elections, must not overlook to inform the people with priority emphasis on the fact that voting is by secret ballot and that in principle, at least, it is impossible for anyone to find out which voter voted for which candidate in any election. I put forward this suggestion because in my home State of Sarawak, at least, perhaps it also might happen here,

many voters are still suspicious of the Government election machinery. They are concerned, they are scared of being found out for whom they voted especially if they happen to decide to vote for any candidate who is not a Barisan Nasional candidate. If the concept of free political choice is to have any meaning and if the Information Department is truly a neutral arm of Government administration, irrespective of whether the Barisan Nasional or any other party is in power, then it is up to the Information Ministry to assure the people that voting in an election is strictly secret and that there are provisions given under the Election laws for procedures from the time the votes are cast to the time when all the votes are destroyed six months after the polling results are known, assuming that there is no election petition. By doing so, the Information Ministry will also help to build up the faith of the people in the democratic system and this certainly is a major task of nation building itself.

In conclusion, let me suggest another role for the Information Ministry during election time, apart from informing the people about election arrangements, I suggest that it should also be the duty of the Information Ministry to distinguish to the people the difference between the Government, *per se*, and the political power that happens to form the Government. It is against the principle of justice for a Government Ministry to continue during election time to highlight announcements by Ministers, for instance, about development programmes as if to conduct a publicity campaign for the Ministers or the political party to which the Ministers belong. If the Information Ministry is going to be fair, to avoid all accusations, all suspicion of siding with the party in power then they should go out all the way to avoid this sort of practice. The Cabinet, during election

campaign, Tuan Pengerusi, is only an interim caretaker Cabinet and should not be given extra exposure as if they are propagating the achievements of the party in power to influence the outcome of voting. Unless we as a nation break this identification between the Government and the party in power then the democratic process of free political choice will forever be cast under the giant shadow that to vote for anybody other than the incumbent Government is to be anti-national, is to be liable to charges of being subversive, only then can we break that identification, can a democratic essence have a chance to come in Malaysia. This ultimately will go towards developing a sense of belonging on the part of the people to the nation, a sense of being in a role to decide the destiny of the future. That, after all, is the pre-requisite for national unity. Sekian, terima kasih.

4.03 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya bercakap Maksud B. 48, Jabatan Penerangan, tambahan sebanyak \$11,484,491 yang dikehendaki dengan jumlah \$10 juta lebih adalah untuk persiapan bagi pilihanraya 1982. Peruntukan ini amat sedikit kalau kita bandingkan dengan peranan yang sepatutnya, perbelanjaan lebih besar lagi telah digunakan oleh Jabatan Penerangan ini bagi Maksud untuk menyempurnakan pilihanraya yang berjalan pada tahun 1982 yang lepas.

Sebenarnya, sekalung bunga kita berikan kepada Kementerian Penerangan dan juga Menteri yang telah menjalankan tanggungjawab dan tugas-tugasnya bagi menentukan bahawa calon-calon yang benar-benar berkelayakan, calon-calon yang benar-benar bekerja untuk rakyat menang dalam pilihanraya yang lepas baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, di dalam pilihanraya kita tahu bahawa banyak perkara-perkara, pengkhianat-pengkhianat, peras ugut-peras ugut, ugutan-ugutan dan hasutan-hasutan juga akan timbul semasa berlakunya pilihanraya. Jadi perkara-perkara hasutan dan perkara-perkara sensitif seperti ini adalah merupakan satu mainan parti-parti tertentu bagi menarik pengundi-pengundi untuk menyokong mereka. Jadi dengan cara itulah mereka mendapat kemenangan, terutama di kawasan yang tidak sampai kepada penerangan yang disampaikan oleh Jabatan Penerangan atau oleh radio dan TV, ada tempat-tempat pendalaman yang rakyat tidak mempunyai kemudahan seperti ini, maka perkara-perkara yang menghasut dan ada setengahnya memulaukan pilihanraya, ada setengahnya tidak memberi penerangan apa nilai yang baik yang dibuat oleh Kerajaan selama ini dengan tujuan adalah untuk mereka mendapat kerusi. Jadi peranan Jabatan Penerangan ini supaya lebih lagi kegiatannya masuk ke kawasan pendalaman-pendalaman yang lebih dalam lagi supaya menerangkan dan juga kawasan-kawasan kita kata tempat-tempat yang mempunyai satu kaum sahaja, dihantar pegawai-pegawainya memberi penerangan bahawa maksud pilihanraya yang kita adakan ini, walaupun pihak DAP telah mengatakan bahawa apa yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan ini tidak demokratik, tidak sebagaimana lunas-lunas demokrasi.

Sebenarnya, demokrasi yang berjalan sekarang adalah demokrasi yang dilakukan oleh kita iaitu Kerajaan Barisan Nasional kita tidak harus mengikut fikiran atau pendapat yang dikeluarkan oleh parti-parti lain kerana demokrasi yang kita jalankan ini adalah demokrasi berdasarkan keadilan yang kita telah lakukan dan juga berdasarkan pemikiran yang kita telah alami selama ini. Jadi kalau

sekiranya kita buat seadil-adilnya sekalipun bagi mereka tidak adil, jadi dengan cara ini maka pihak Jabatan Penerangan lakukan ini adalah perkara yang paling baik, patut ditekankan lagi, dilakukan kuat lagi, diperbanyakkan belanja lagi supaya apa yang kita kehendaki ini boleh kita capai. Jadi apa yang penting bagi kita ialah kita akan memberi penerangan kepada mereka ini bukan sahaja cara menentukan calon-calon ataupun cara menentukan parti mana yang mereka hendak mengundi, tetapi kita menerangkan kepada mereka bahawa kebaikan yang dibuat oleh Kerajaan selama ini dan apakah keburukan yang dibuat oleh satu parti Pembangkang, misalnya, parti Pembangkang yang memperjuangkan satu kaum sahaja—parti perkauman. Kita menerangkan sekiranya timbul satu parti yang mengamalkan perkauman apa yang terjadi kepada negara kita? Kita mesti menerangkan perkara ini kepada rakyat. Kita tidak mahu parti-parti yang mengapi-apikan dan menimbulkan hal-hal perkauman, kita biarkan mereka menemui rakyat tanpa penerangan daripada pihak Kerajaan.

Selain daripada itu, pada masa dekat pilihanraya ini kemungkinan pihak Jabatan Penerangan tidak cukup kakitangan. Pada masa ini saya mencadangkan supaya pihak Jabatan Penerangan ini menambahkan pegawai-pegawai sama ada pegawai sementara ataupun tidak, yang boleh menolong mereka memberi penerangan kepada cara-cara mereka itu menjalankan demokrasi dalam negara ini, bukan cara-cara bagaimana yang dikehendaki oleh parti Pembangkang atau parti DAP. Apa yang kita buat sebetul-betul kita buat, mereka kata adalah tidak betul bagi mereka dan demokrasi yang kita amalkan sekarang adalah demokrasi dari segi apa yang kita fikir, apa yang kita buat dan kalau Menteri Penerangan pada masa itu tidak memberi tanggungjawab sebagai

seorang Menteri daripada Kerajaan Barisan Nasional, saya rasa Menteri itu tidak menjalankan tanggungjawab yang adil. Kalau dia itu Menteri daripada DAP, maka adalah tidak adil bagi dia menjalankan cara itu. Oleh kerana beliau adalah Menteri daripada Kerajaan Barisan Nasional, jadi apa yang dilakukan oleh Kementerian dan Menteri ini adalah satu tugas dan tanggungjawab yang adil kepada rakyat dan negara ini. Sekian, terima kasih.

4.08 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk berucap sedikit atas Maksud B. 48, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1982 mengenai Jabatan Penerangan dan mengenai permintaan \$11 juta yang dikehendaki membiayai persediaan yang dibuat oleh Jabatan Penerangan untuk pilihanraya umum tahun 1982.

Yang pertamanya, saya sangat tertarik minat dan perhatian dengan ucapan rakan saya dari Pasir Putih bahawa sangat mustahak dalam masa pilihanraya besar peranan Jabatan Penerangan oleh kerana mengikut beliau dalam masa pilihanraya besar ada timbul pengkhianat-pengkhianat, penghasut-penghasut dan kalau keterangan tidak sampai melalui radio dan televisyen, pengkhianat-pengkhianat dan penghasut-penghasut akan menang, khasnya di tempat di mana radio dan televisyen tidak boleh menyampaikan message melalui radio dan televisyen. Saya percaya kawasan-kawasan yang dalam, semacam Pasir Putih oleh kerana di kawasan-kawasan bandar ada banyak radio, banyak televisyen, mesej-mesej radio, televisyen dan Jabatan Penerangan boleh sampaikan mesej itu, itu tak kkuatirlah, pengkhianat-pengkhianat dan penghasut-penghasut tak timbul. Saya kkuatir mungkin kawasan-kawasan luar bandar semacam Pasir Putih akan timbul.

Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada mengakui peranan sebenarnya Jabatan Penerangan dalam pilihanraya besar ialah untuk menjadi alat Barisan Nasional, menjadi alat parti memerintah, bercakap mengenai keburukan parti Pembangkang, mengenai kebaikan parti-parti Barisan Nasional, itulah sikap Kerajaan Barisan Nasional dan sebab itu kita bagi pihak di sini tidak boleh sokong, tidak boleh setuju dengan peruntukan yang diminta sekarang untuk \$11 juta untuk Jabatan Penerangan untuk buat persiapan pilihanraya besar. Oleh kerana ini ialah pengalaman kita, bukan sahaja dalam pilihanraya besar April, 1982, juga dalam pilihanraya kecil Kepayang, juga di masa-masa lampau dalam pilihanraya besar yang kita parti DAP ada terlibat dalam tahun 1969, 1974, 1978 dan sekarang 1982 bahawa di semua pilihanraya kecil di mana kita ada ambil bahagian ialah Jabatan Penerangan memainkan satu peranan yang bukan bebas.

Untuk menyampaikan mesej pada satu pilihanraya besar atau ada satu pilihanraya kecil, sekarang ada peluang untuk rakyat menggunakan hak-hak mereka untuk buang undi, di mana buang undi, apa kemudahan-kemudahan, tetapi sebenarnya Jabatan Penerangan menjalankan kempen-kempen bagi pihak Barisan Nasional. Sebab itu saya cadangkan bahawa Yang Berhormat Menteri Penerangan yang baru yang bukan bertanggungjawab kepada apa yang berlaku dalam pilihanraya besar oleh kerana masa itu ialah Ketua Menteri Negeri Melaka, bahawa boleh menimbang syor saya bahawa untuk masa depan apabila ada pilihanraya besar atau ada pilihanraya kecil, apa yang sekarang kita minta, semua tugas penerangan, ada pilihanraya besar bila buang undi, tempat dan lain-lain diambil alih oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan dikeluarkan daripada bidang kuasa Jabatan Penerangan oleh

kerana kita tidak boleh percaya, sungguhpun saya boleh percaya Yang Berhormat Menteri Penerangan tetapi saya tidak boleh percaya bahawa kakitangan-kakitangan Jabatan Penerangan akan menjalankan tugas mereka dengan bebas dan impartial.

Syor saya atas 4 sebab. Yang pertama, dalam Jabatan Penerangan parti-parti Barisan Nasional ada seludup (infiltrate) ahli-ahli aktivis mereka menjadi kakitangan-kakitangan Barisan Nasional, kita pun ada seorang Ahli Parlimen di sini dahulu dalam Jabatan Penerangan, ialah mereka mendapat gaji Kerajaan tetapi menjalankan tugas parti-parti masing-masing, baik UMNO, MCA, MIC, GERAKAN belum sampai peringkat yang boleh seludup dalam Jabatan Penerangan. Bila sampai masa pilihanraya besar mereka memainkan peranan mereka dengan secara terbuka untuk kempen bagi pihak parti-parti masing-masing dan ada tempat di mana mereka menggunakan van-van Jabatan Penerangan untuk menjalankan ceramah-ceramah mobile bagi pihak calon-calon Barisan Nasional, itu bukan berlaku sahaja dalam pilihanraya besar tahun ini, dalam pilihanraya besar dahulu pun ada berlaku. Sebab pertama, kenapa tugas untuk menerangkan kepada penduduk-penduduk bahawa ada pilihanraya besar patutlah dikeluarkan daripada bidang Jabatan Penerangan dalam masa pilihanraya besar? Kedua, oleh kerana ada infiltration parti aktivis-aktivis ahli-ahli parti memerintah dalam Jabatan Penerangan, dalam masa pilihanraya besar mereka menjalankan kempen-kempen, ceramah-ceramah bagi pihak parti-parti komponen. Ketiga, oleh sebab itu mereka sangat biasa, mereka tidak impartial yang bebas dan sebenarnya menjatuhkan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan yang patut secara beramanah, secara adil.

Saya harap kalau tugas ini dimainkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, saya harapkan bahawa kita boleh ada satu keadaan di mana kita tidak boleh lihat keadaan di mana ada berlaku salahguna kuasa, salahguna resources, salahguna kemudahan-kemudahan Kerajaan bagi pihak parti-parti memerintah oleh kerana siapa yang mahu berucap, termasuk Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada satu distinction, Yang Berhormat dari Bandar Kuching ada menitik-beratkan satu distinction yang sangat mustahak antara State atau Kerajaan dan parti memerintah sungguhpun Kerajaan terdiri daripada parti-parti memerintah, tetapi dalam masa pilihanraya besar parti-parti itu bukan lagi parti memerintah, ialah satu interim Kerajaan ala-trust untuk mengendalikan urusan Kerajaan dalam masa sebelum sesuatu Kerajaan yang baru dipilih selepas pembubaran Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri dalam negara kita. Saya harap itu bukan atas interest parti-parti tetapi atas interest supaya kita boleh menanam fikiran yang waras dalam rakyat kita, apalah konsep demokrasi, apalah konsep satu demokrasi, satu election yang bersih yang dijalankan dengan berpatutan.

Saya harap kita tidak boleh sokong peruntukan ini dan di masa akan datang kita pun tidak akan sokong apa-apa peruntukan untuk Jabatan Penerangan untuk menjalankan kempen dalam pilihanraya besar oleh kerana dalam masa lampau, sekarang dan masa depan tentulah ada salahguna kuasa selain daripada semua orang kakitangan-kakitangan dalam Jabatan Penerangan yang menjadi ahli MCA, UMNO, MIC yang sudah diseludup masuk diberhentikan daripada Jabatan Penerangan. Kalau tidak, kita tidak ada setuju, kita tidak akan sokong dan kita harap Yang Berhormat Menteri boleh setuju bahawa tugas ini diserahkan kepada Suruhanjaya

Pilihanraya supaya tidak ada berlaku salahguna kuasa dalam masa berkempen dan masa pilihanraya besar.

4.19 ptg.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh (Arau): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan di bawah Kepala B. 48, khususnya wang sebanyak \$10,602,364 yang diminta oleh Jabatan Penerangan bagi menampung perbelanjaan persiapan pilihanraya umum 1982.

Tuan Pengerusi, dalam turut membahas dalam hal peruntukan ini, izinkan saya menarik perhatian Dewan ini seperti biasa kepada apa yang pokok dan apa yang menjadi kenyataan. Kita telah banyak mendengar lecture tentang apakah "Parliamentary Democracy" mengikut takrif pendukung-pendukung falsafah parti DAP. Saya juga memperakui bahawa kita juga mendukung prinsip "Demokrasi Berparlimen" dan ini bukan lagi bagi kita satu "political experiment" seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi, hidup mati kita dengan sistem ini. Ini adalah satu daripada pegangan semua rakan-rakan saya dalam Barisan Nasional. Jadi, bila ditimbulkan sesuatu perkara yang Kerajaan yang kita dukung menggunakan sesuatu Jabatan Kerajaan tanpa mengetahui atau membezakan apa itu Kerajaan dan apa itu parti, ini boleh dijawab, Tuan Pengerusi. Dengan sebab itulah saya bangun semata-mata hendak menjawab sedikit.

Sepertimana Tuan Pengerusi pun memang sudah maklum dalam sistem demokrasi berparlimen ini Kerajaan yang wujud selepas sesuatu Pilihanraya itu tetap akan menjadi satu Kerajaan yang akan mendukung falsafah parti memerintah. Ini hakikat sistem demokrasi berparlimen. Kalau Parti Sosialis memerintah maka

jadilah sistem Kerajaan itu sistem sosialis tetapi selama ini rakyat Malaysia semenjak tahun 1955 telah memilih untuk memberi kuasa kepada pendukung-pendukung falsafah politik dan falsafah pemerintahan Barisan Nasional.

Kita pergi kepada apakah takrif sesuatu Jabatan dalam sesuatu Kerajaan di bawah sistem demokrasi berparlimen. Adakah kita boleh membiarkan sesuatu Jabatan itu menjalankan segala usaha yang bertentangan dengan falsafah yang kita kemukakan kepada rakyat dahulu dan atas kemukaan falsafah ini rakyat telah memberi mandat kuasa itu. Jadi sesuatu Jabatan Kerajaan tidak boleh lari dan seharusnya mesti menjalankan usaha bekerja mengikut falsafah yang didukung oleh parti yang memerintah. Ini pendapat saya yang pokok dalam perbahasan kita pada petang ini. Kalaupun ada tanggapan yang Jabatan Penerangan ini seandai satu jentera Barisan Nasional, ini adalah satu tanggapan yang diperolehi daripada kacamata yang kurang terang tanpa memikirkan hakikat yang saya huraikan tadi.

Jabatan Penerangan bukan jentera parti Barisan Nasional tetapi Jabatan Penerangan adalah jentera Kerajaan yang telah wujud akibat daripada pemilihan rakyat terhadap parti Barisan Nasional yang telah diberi kuasa untuk mengendali sesuatu Kerajaan yang mana Jabatan itu sendiri menjadi anggotanya. Jadi inilah satu hujah yang saya harap rakyat serta juga Ahli-ahli Yang Berhormat memikirkan dan lagi, Tuan Pengerusi, misal kata sepertimana hujah yang ditimbulkan oleh Ahli dari Kota Melaka, Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi dan saya ingat ada seorang lagi ahli parti Pembangkang, yang Kerajaan yang ada setelah dibarkan Dewan itu adalah satu Kerajaan interim. Kita memperakui hal ini akan tetapi kita harus sedar juga sesuatu Jabatan itu telah berjalan

dan sekarang ini berjalan bertahun-tahun, lebih daripada 25 tahun, 27 tahun kalau kita fikirkan selepas pilihanraya tahun 1955 dahulu. Jadi ia sendiri ada momentum, saya perhati satu jentera raksaksa seperti apa sahaja di dunia ini ada momentumnya. Saya fikir mustahil, memang mustahil apabila bubarnya sahaja Parlimen atau Dewan Rakyat pada 29hb Mac tempoh hari misalnya, momentum itu boleh dihentikan serta-merta dan saya sebut hal momentum ini khususnya kerana saya bimbang dan takut kalau diberi tanggapan yang silap pula.

Memang Jabatan Penerangan ini adalah satu Jabatan dan sesuatu Jabatan itu adalah dianggotai oleh manusia dan manusia ataupun pekerja-pekerja kakitangan Jabatan Penerangan ini adalah juga warganegara, rakyat yang mempunyai hak untuk meletakkan di mana kepercayaan mereka dan kita sebagai manusia dalam apa sahaja yang kita kerjakan kita tidak boleh lari daripada sesuatu yang kita perakui, kalau kita perakui sesuatu benda itu betul, memang kita setuju sekali, seronok kita bekerja dalam perkara yang kita mengaku yang perkara itu baik dan betul. Jadi kalau dengan tidak secara langsung kerana dasar-dasar yang baik yang membawakan keuntungan kepada rakyat, kakitangan Jabatan Penerangan bersimpati dalam hati kecil, dengan tidak sengaja simpati dan sentimen ini tercurah ataupun mempengaruhi sedikit cara mereka menghasilkan kerja, ini adalah perkara hal manusia biasa dan ini yang penting.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya ingat biarlah setakat ini dengan dua hujah itu, saya sekali lagi menyokong peruntukan di bawah Maksud B. 48 ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.29 *ptg.*

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya bercakap sekali lagi bagi B. 48. Sebenarnya wakil dari Kota Melaka tadi tidak faham, tetapi dia tidak ada di sini, memang dia telinga nipis.

Tuan Pengerusi, sebenarnya apabila saya mengatakan pihak Jabatan Penerangan ini patut memberi penerangan untuk menentang pengkhianat, penghasut, perkara-perkara sensitif yang ditimbulkan semasa pilihanraya, sepatutnya Jabatan Penerangan inilah yang bertanggungjawab untuk menyampaikan atau menerangkan kerana radio dan TV ini takut tidak sampai kepada mereka. Kalau dalam Bahasa Melayu "tidak sampai" itu bukan ertinya mereka itu di pendalaman. "Tidak sampai" itu ertinya mungkin mereka itu tidak dengar radio, tidak tengok TV. Saya tidak tahulah Wakil dari Kota Melaka ini barangkali hari-hari dengar radio, hari-hari tengok TV, saya tidak tahu tetapi pada saya, saya rasa dalam sehari itu tidaklah panjang masa kita tengok TV dan juga dengar radio. Dengan cara Jabatan Penerangan memberi penerangan semasa pilihanraya inilah untuk menerangkan perkara-perkara ini, kerana pada masa itu semuanya sibuk, pihak DAP pun sibuk, pihak UMNO pun sibuk, orang mengundi pun sibuk, ada yang suruh anak curi kad pengenalan, ada yang suruh beritahu emak supaya jangan undi Barisan Nasional, ada yang menimbulkan perkara-perkara sensitif, perkauman itu, perkauman ini terutama parti Pembangkang. Perkara ini pihak Kementerian Penerangan patut memberi penerangan merupakan tanggungjawab sebagai Menteri daripada Barisan Nasional.

Kalau Menteri DAP, saya tidak tahu, kalau Menteri DAP tidak kempen kepada DAP sudah tentu ahli

DAP itu akan dipecat daripada menjadi Menteri. Oleh kerana Yang Berhormat ini Menteri daripada Barisan Nasional maka teruslah tanggungjawab untuk menentukan keadilan dari kacamata dari Kerajaan Barisan Nasional.

4.32 *ptg.*

Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan untuk peruntukan tambahan bagi Kementerian Penerangan.

Dari segi permintaan tambahan ini memang perlu lebih-lebih lagi dari segi Jabatan Penerangan yang banyak dipertikaikan bahawa tugas-tugas misalnya untuk memastikan bahawa orang ramai khasnya rakyat yang berkecukupan mengundi memahami dengan jelas tanggungjawab dan hak mereka sebagai seorang warganegara di bawah sistem pemerintahan demokrasi berparlimen perlu diberi penerangan dengan jelasnya. Bahkan juga perlu diingatkan dengan menerangkan kejayaan rancangan-rancangan pembangunan yang telah dicapai dari segi sosial, ekonomi dan politik oleh Kerajaan sehingga sekarang supaya tidak diputar belitkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab memperbetulkan anggapan yang menyeleweng dari segi pandangan masyarakat yang telah dipengaruhi oleh anasir-anasir anti-nasional yang sengaja menggugat usaha-usaha Kerajaan untuk mencapai sebuah negara yang bersatu padu, aman dan makmur dan membantu memastikan keselamatan negara terjamin dan pilihanraya dijalankan dalam suasana yang aman dan sebagainya. Semua ini perlu dari segi perbelanjaan untuk Jabatan Penerangan menjelang pilihanraya semasa pilihanraya, bahkan tiada

pilihanraya pun Jabatan Penerangan sentiasa memberi penerangan ini.

Tetapi apa yang penting \$11 juta ini tidak ada maknanya jika kita tidak dapat mengekalkan keselamatan. Bahkan \$10,602,364 ini terlalu kecil jika dibandingkan nilai harga kebebasan yang hendak kita pelihara dalam pemilihan yang penting itu. Kita telah melihat bagaimana kurang penerangan, bagaimana kebebasan yang tidak terbatas yang kita berikan sebelum Mei 13 tahun 1969 telah disalah gunakan oleh setengah-setengah pihak dan apatah lagi pihak-pihak anti-nasional, pihak-pihak subversif yang telah menimbulkan huru-hara sehingga kita terpaksa mengisytiharkan darurat dan kita terpaksa menggantung kebebasan ini kerana memang manusia dengan kelemahan-kelemahannya mahu dan bahkan tamak akan kuasa sehingga tidak menghiraukan kepentingan yang lebih besar. Oleh kerana memandangkan pengajaran pada 13hb Mei, 1969 maka Kementerian Penerangan dengan Jabatan Penerangan terpaksa mengingatkan lebih-lebih lagi pada pilihanraya umum untuk keluar dan memberi tahu kepada rakyat masalah-masalah yang pokok daripada kebebasan yang kita cinta ini. Pihak-pihak anti-nasional, pihak subversif dan sebagainya sentiasa mahu subvert dan kadang-kadang convert pemikiran rakyat untuk kepentingan mereka dan kita telah mencapai kemerdekaan selama 25 tahun, saya yakin bahawa rakyat tahu menilaikan yang mana baik dan yang mana buruk.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong peruntukan ini seperti Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, Ahli Yang Berhormat dari Arau yang telah memberikan pandangan-pandangan yang positif terhadap perlunya peruntukan ini dan saya yakin bahawa pandangan-pandangan ini memanglah lojik jika

difikirkan tugas dan tanggungjawab Jabatan Penerangan untuk menentukan keamanan, keselamatan pilihanraya lebih-lebih lagi setelah pengalaman kita pada 13hb Mei, 1969.

Bagi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang tidak sudah-sudah bergesel dengan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dalam Dewan ini, saya tengok tiap-tiap hari, tiap-tiap kali kita bincang, mereka berdua ini tidak sudah-sudah cuba hendak mengungkit-ungkit kenyataan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dalam masalah pengkhianatan, cuma menidakkan dan sebagainya dengan sindiran-sindiran yang tajam tetapi syor Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya tugas penerangan semasa pilihanraya umum diserahkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya adalah tidak lojik kerana bukan sahaja kita hendak mengekalkan kebebasan kewibawaan Suruhanjaya Pilihanraya yang paling bebas di dunia ini sehingga kestabilan dan juga kemantapan dan keharmonian yang kita ada inilah kerana kebebasan dan kewibawaan Suruhanjaya Pilihanraya yang istimewa bagi negara kita yang telah dapat menjamin kebebasan pilihanraya-pilihanraya dijalankan di negara ini.

Maka amatlah tidak lojik kerana untuk menyerahkan tanggungjawab penerangan ini kepada Suruhanjaya lebih-lebih lagi kerana tiada kepakaran bahkan kalau agaknya Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengadakan penerangannya sendiri akan memakan belanja yang lebih banyak kerana mereka terpaksa mengadakan pegawai-pegawai untuk meliputi kawasan-kawasan yang lebih luas. Mereka tidak ada kepakaran bahkan mereka juga terpaksa datang ke RTM untuk menggunakan media RTM bagi menyebarkan penerangan-penerangan itu.

Saya fikir adalah tidak wajar bahawa tanggungjawab ini dibebankan kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana tanggungjawab ini memang sejak sebelum merdeka lagi Jabatan Peneranganlah memainkan peranan apatah lagi selepas merdeka maka peranan ini lebih nyata dipertanggungjawab kepada Jabatan Penerangan. Saya kesal pandangan Ahli dari Kota Melaka bahawa pegawai-pegawai penerangan yang kita lantik ini seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum bahawa apabila sahaja mereka menjadi pegawai Kerajaan mereka pasti tertakluk kepada Perintah-perintah Am dan apa jua peraturan-peraturan sebagai Pegawai Kerajaan, maka tidak timbul pegawai-pegawai ini menyeleweng dan sebagainya kerana kami di Kementerian Penerangan amat berpuas hati dengan peranan-peranan Jabatan Penerangan dan juga Jabatan-jabatan yang lain di bawah Kementerian Penerangan yang berusaha bertungkus lumus siang malam untuk menjamin keselamatan negara, kebebasan negara yang selama ini kita kecapai dan supaya tidak berulang lagi semangat angkuh parti-parti Pembangkang selepas 10hb Mei, berarak di sekeliling Kuala Lumpur, belum pun tahu kemenangan yang nyata tetapi dengan kemenangan yang sedikit itu sudah mula menampakkan keangkuhan parti-parti Pembangkang yang sanggup bersikap kurang ajar kepada masyarakat seluruhnya yang telah membangkitkan perasaan marah oleh satu-satu kaum. (*Tepuk*). Dan untuk mengelakkan itulah maka peranan Jabatan Penerangan akan kita teruskan untuk menentukan supaya rakyat jangan terpengaruh dengan sikap biadap, dengan usaha subversion dan perversion pemikiran rakyat dengan pandangan-pandangan yang kadang-kadang dibawa ke mari untuk digunakan di Dewan yang mulia ini bagi menegakkan benang basahnyanya.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah memberikan sokongan kepada permintaan peruntukan tambahan bagi Kementerian Penerangan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,290,148 untuk Maksud B. 46 dan \$11,484,491 untuk Maksud B. 48 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,290,148 untuk Maksud B. 46 dan \$11,484,491 untuk Maksud B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,024,280 yang disebutkan dalam Maksud P. 46 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,024,280 untuk Maksud P. 46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982.

Maksud B. 52, B. 56 dan B. 57 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 52, P. 54, P. 56 dan P. 57 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Maksud B. 52, B. 57 dan P. 52, P. 54, P. 56 dan P. 57 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Balik Pulau.

4.43 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Maksud B. 57, iaitu Perkhidmatan Kajicuaca.

Tuan Pengerusi, tambahan sebanyak \$3,748,000 adalah dikehendaki untuk menampung bayaran Elaun Penerbangan. Perjalanan dan Pengangkutan Orang, Sewaan, Bekalan dan Bahan-bahan serta Perkhidmatan Iktisas berhubung dengan Operasi Pembenihan Hujan (Cloud Seeding) di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bagi membekalkan air yang cukup dalam musim kemarau.

Tuan Pengerusi, saya suka bercakap dalam masalah tugas-tugas membuat cloud seeding ini kerana cloud seeding ini bertempat di dalam kawasan saya sendiri iaitu di Lapangan Terbang Bayan Lepas. Saya dapat berbincang dengan kontraktor dan pekerja yang bertugas untuk menjalankan operasi yang kita namakan 'pembenihan hujan (cloud seeding)'. Masalah yang berbangkit antara kontraktor dengan kakitangan Kerajaan yang menjalankan tugas dalam operasi pembenihan hujan ini ialah jadual masa bekerja itu tidak dapat diseleraskan. Ada enam buah kapal terbang yang sedang menjalankan tugas membuat cloud seeding untuk kawasan MADA.

Perkara yang menjadi masalah yang saya katakan tadi ialah masalah jadual bekerja. Untuk hendak membuat cloud seeding mestilah kita menunggu bila ada awan di kawasan tadahan yang hendak dijalankan cloud seeding itu barulah boleh kapal terbang pergi dan menyembur ubat-ubat kimia.

Sebelum itu saya suka terangkan iaitu yang menjadi pilot dan kapal terbang itu dipunyai oleh kontraktor, kakitangan Kerajaan hanya menyembur ubat-ubat kimia. Jadi ada dua pihak, satu kontraktor dan satu lagi Kakitangan Kerajaan. Semasa tidak ada awan di kawasan tadahan itu pekerja-pekerja ini dalam masa bekerja, bila awan ada, tempoh masa bekerja pekerja-pekerja itu sudah tamat. Jadi bila pilot itu hendak

terbang membawa pekerja dia kata masa dia sudah tamat, tempoh dia bekerja tidak boleh pergi, kalau dia pergi dia kena minta elaun tambahan bekerja, padahal di dalam perkara ini saya diberitahu dan difahamkan tidak ada elaun lebih masa diberi kepada pekerja-pekerja. Ini masalah yang pertama. Ini selalu berlaku begitu. Semasa tidak ada awan pekerja-pekerja ini di dalam masa jam bekerja. Jadi bila ada awan, tempoh pekerja itu tamat. Pilot hendak terbang tanpa kakitangannya tidak boleh terbang kerana tidak ada orang yang akan menyembur ubat-ubat kimia. Ini masalahnya. Ini berlaku bukanlah selalu tetapi tiga empat kali berlaku, ini menyebabkan kontraktor rugi, sebab mereka ini bila ada penerbangan atau banyak kali penerbangan mereka ini digunakan menyembur ubat-ubat itu barulah mereka ini boleh claim daripada Jabatan Kerajaan sekian-sekian banyak. Jadi kalau mereka ini tidak boleh terbang dan tidak dapat menjalankan kerja jadi dia tidak boleh claim. Jadi dia rugi. Masa dia tunggu itu pun terpaksa dibayar gaji dan sebagainya.

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, ialah masalah keselamatan kakitangan yang bekerja menyembur ubat kimia ini. Di atas kapal terbang itu tidak ada langsung alat peralatan keselamatan bagi kakitangan ini, tidak ada tali pinggan keledar, macam lori biasa sahaja, kalau Yang Berhormat pergi boleh tengok. Jadi semasa dia menyembur ubat itu, buang atau curahkan ubat-ubat itu ada kemungkinan kalau angin kuat dia boleh jatuh. Jika terjatuh tentulah akan menemui maut dan perkara ini membimbangkan pekerja-pekerja itu. Mereka sekarang ini kira beranikan diri sahaja kalau maut itu sudah sampai ajal tidak dapat dielakkan.

Dalam hal ini saya berharap pihak Kerajaan mencari jalan menyediakan peralatan dan mengadakan tali

pinggan keledar khusus untuk menjalankan kerja menyembur ubat-ubat kimia daripada kapal terbang tadi.

Selain daripada itu mereka ini pula tidak dilindungi oleh insuran kalau berlaku apa-apa kemalangan. Jadi ini satu kerja saya kata buang nyawalah. Pihak Kerajaan patut menimbangkan supaya pekerja ini dilindungi dengan insuran sekian-sekian banyak yang berpatutan supaya jika berlaku kemalangan tanggungan-tanggungan mereka ini dapat hidup dalam keadaan yang baik.

Perkara membuat cloud seeding ini, patut kita pelajari daripada negeri Thailand. Negeri Thailand yang berjaya mengeluarkan padi yang banyak dalam masa yang dijadualkan kerana mereka sudah jauh maju dalam bidang cloud seeding sedangkan kita baru mula. Kalau kita mempunyai cadangan untuk mengadakan beras yang mencukupi untuk keperluan kita, perkara mengenai cloud seeding mestilah diberi satu perhatian yang serius. Kerajaan patut menghantar kakitangan kita pergi belajar di Thailand macam mana mereka ini sudah maju, bagaimana mereka ini berjaya mengadakan air yang cukup untuk memberi perairan kepada kawasan sawah padi mereka dan masa tanaman padi boleh dijalankan seperti yang dijadualkan, padahal kita masih lagi bila jadual itu cukup dan tempoh masa sampai kita tidak dapat menyuruh petani-petani tanam padi kerana kekurangan air. Ertinya, program cloud seeding kita ini belum begitu maju, kita belum mampu dan belum cekap dalam bidang ini.

Jadi saya berharap untuk mengatasi perkara ini kita janganlah sayang sangat kepada wang, sayang duit, kita hantar pegawai-pegawai kita berlatih untuk ambil kursus sebulan, enam bulan atau setahun, kalau perlu supaya kita dapat mempelajari teknik moden untuk menjayakan tugas cloud seeding ini. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

4.51 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 27 Tahun 1982, Maksud B. 52 tambahan sebanyak \$6,930,985 dikehendaki bagi perbelanjaan yang pertama, lebih daripada \$6 juta sebagai bayaran bantuan subsidi kepada sistem Penerbangan Malaysia bagi tempoh 1hb April, 1976 hingga 31hb Disember, 1981 kerana apa yang disebutkan sebagai mengadakan perkhidmatan udara luar bandar yang tidak ekonomi untuk penduduk-penduduk kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan pernah menyebutkan di Dewan yang mulia ini tentang subsidi yang dibanggakan. Memang kita seharusnya membantu siapa yang kurang mampu untuk menggunakan sistem penerbangan kita tetapi ada buktinya yang menunjukkan dalam bulan Mac 1978 sejumlah \$938,743 telah dibayar oleh Kementerian Pengangkutan kepada Sistem Penerbangan Malaysia bagi tuntutan subsidi kos perkhidmatan udara luar bandar yang disediakan bagi tempoh 1975 hingga 1976. Tuntutan subsidi yang dibuat oleh syarikat penerbangan itu tidak disokong oleh sijil-sijil yang telah diaudit dan lain-lain butir. Nampaknya tuntutan itu berdasarkan kepada jumlah bayaran pendaratan dan meletakkan kapal terbang yang diketip di Sabah dan Sarawak.

Perbendaharaan telah bersetuju dengan pandangan Ketua Audit Negara bahawa bayaran-bayaran pentadbiran dan meletak kapal terbang bagi tujuan mengambil kira bantuan subsidi hendaklah hanya termasuk yuran-yuran yang boleh dibayar untuk kapal terbang yang digunakan bagi perkhidmatan udara luar bandar sahaja. Perbendaharaan

telah mengarahkan supaya satu ulangkaji dibuat mengenai bayaran subsidi mulai 1hb April, 1976 tetapi sepanjang pengetahuan kita sama ada ulangkaji tersebut telah dijalankan ataupun tidak, kita masih tidak mengetahui walhal ada suatu permintaan lagi untuk Anggaran Tambahan. Saya berharap dengan permintaan yang baharu ini tidak akan wujudnya keadaan sepertimana yang saya sebutkan di mana tuntutan subsidi—saya ulangi dibuat oleh syarikat penerbangan itu tidak disokong oleh siji-sijil yang telah diaudit dan lain-lain butir.

Tuan Pengerusi, Maksud yang sama B. 52 \$763,709 dikehendaki untuk menambah peruntukan bagi membiayai pembayaran gaji, elaun dan tambahan kos kakitangan berikutan penyusunan semula organisasi Kementerian Pengangkutan serta pengwujudan jawatan-jawatan baharu untuk pejabat Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik mengikut Pekeliling Bil. 7/1982. Jadi pada akhir-akhir ini, saya telah pun menerima berbagai aduan dan rungutan mengenai kesesakan di Pejabat Pengangkutan Jalan (RIMV). Walaupun saya nampak ada usaha untuk memperbaiki keadaan itu tetapi setakat ini tidak cukup, tidak memuaskan. Dengan permintaan itu, saya berharap langkah yang lebih positif lagi dapat diambil tambahan pula ada aduan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, dalam peruntukan tambahan ini tidak ada kena-mengena dengan Jabatan Pengangkutan Jalan. Ini adalah untuk organisasi di Kementerian sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun ada kaitannya secara tidak langsung. Tuan Pengerusi, P. 52 \$592,535 Pembayaran Pelabuhan Kelang (Baharu) (vi) Kren-kren Kontena yang ketiga dan

keempat Pelabuhan Kelang. Saya ada nampak di Pelabuhan Kelang mengenai dengan Kren Kontena yang baharu ini adalah nampaknya prestasinya lebih baik sedikit bukan banyak tetapi sedikit sahaja. Satu faktor bahawa dengan kemelesetan ekonomi kargo barang-barang kurang sedikit. Tetapi dengan tambahan ini mungkin tahun depan, dua tahun hadapan kargo-kargo yang sampai ke Pelabuhan Kelang akan bertambah dan kita berharap keadaan ekonomi negeri kita kian bertambah baik, barang-barang import dan eksport juga akan bertambah. Dan saya khuatir dengan pemulihan ekonomi ini kesesakan di Pelabuhan Kelang mungkin akan wujud semula dan walaupun ada sedikit baik mengenai keadaan kontena, ada bertambahnya inland haulage, tambah sedikit dan diberi kepada kontraktor yang baru satu sahaja tetapi pada pendapat saya jikalau terdapatnya pemulihan ekonomi kita pertambahan barang-barang, satu kontraktor, saya berpendapat tidak cukup.

Kita seharusnya untuk memperbaiki pekhidmatan, memberi lesen kepada dua tiga ataupun empat sekarang. Dengan adanya persaingan dapatlah kita wujudkan suatu keadaan di mana perkhidmatan dapat dipertingkatkan. Saya harap cadangan ini diterima, sebab diwujudkan daripada hati sanubari yang ikhlas. Dengan adanya kemudahan-kemudahan sekarang, saya berpendapat cuma cukup untuk sekarang sahaja, untuk masa depan itu memang tidak cukup, jikalau kita hendak membangunkan ekonomi negara kita.

Dengan itu, saya berharap pihak Kementerian Pengangkutan akan pertambahkan lagi kren-kren dan kemudahan-kemudahan yang lain straddle carrier itu suatu alat untuk memungut barang-barang daripada wharves ke atas kereta-kereta dan sebagainya. Jadi, ini hendak ditambahkan dan maintenance

(pengendalian) nampaknya tidak memuaskan walaupun tidak ada kren-kren yang baru yang dikerjakan pukul rata tiap-tiap hari 24 jam kecuali semasa hujan, tetapi nampaknya maintenance kerja pengendalian tidak mencukupi walaupun jentera-jentera itu baru tetapi kalau tidak ada pengendalian yang memuaskan, yang sempurna, memang dengan masa yang singkat itu akan rosak sama sekali dan sekali lagi saya menyeru supaya pihak Kementerian Pengangkutan mengadakan suatu work force, suatu kumpulan pekerja-pekerja yang dapat menambah mutu pengendalian ke atas jentera-jentera yang baru kita dapat supaya kita dapat menggunakan jentera-jentera yang baru itu dengan jangka masa yang panjang sebelum permintaan diadakan di Dewan yang mulia ini atas permintaan yang baru.

Tuan Pengerusi, P. 52 juga, Kertas Perintah 30, jumlah anggaran harga projek bagi Pembangunan Pelabuhan Kelantan \$100 juta dan untuk tahun 1982 hanya \$10 juta. Saya hendak memberi pernyataan terutamanya pada Yang Berhormat Mulia janganlah melakukan kesalahan yang wujud dengan Pelabuhan Kuantan di mana kira-kira lebih daripada \$100 juta digunakan di Pelabuhan Kuantan dan sejurus sebelum pelabuhan itu disiapkan, seperti saya katakan di sini: Langit jatuh, bumi cair, retak sama sekali, rakyat Kelantan memang memerlukan Pelabuhan Kelantan yang moden, yang besar dengan kemudahan-kemudahan yang cukup, janganlah kita melakukan apa yang terdapat dengan Pelabuhan Kuantan. Kalau begitu kita tidak akan adakan Pelabuhan Kelantan dalam tempoh beberapa tahun ini, mungkin sepuluh tahun ke hadapan. Oleh itu, saya berharap pihak Yang Berhormat Mulia dan rakan-rakannya supaya sentiasa berwaspada dengan menentukan bahawa Pelabuhan Kelantan dapat dibina mengikut jadual dan perancangannya.

Tuan Pengerusi, Maksud B. 57 Perkhidmatan Kajicuaca. Tambahan ini sebanyak \$3,748,000 dikehendaki untuk menampung bayaran elauan penerbangan, perjalanan dan pengangkutan orang, sewaan bekalan dan bahan-bahan secara perkhidmatan iktisas berhubung dengan operasi pembenihan hujan tiruan (cloud seeding), apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau. Memang di sini saya setuju dengan Yang Berhormat dari Balik Pulau.

Tuan Pengerusi, apa yang disebutkan tadi betul dan benar. Saya berharap bukan kali ini sahaja saya akan bersetuju, mungkin di bidang yang lain juga, mungkin. Tetapi yang beliau tidak sebutkan tadi ialah pengendalian yang tidak diinginkan yang berlaku mengenai operasi-operasi pembenihan hujan. Maklumlah saya hendak sebutkan bukti di sini untuk operasi-operasi yang saya sebutkan tadi di negeri-negeri utara Semenanjung dalam tahun 1977.

Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$2.1 juta dalam bulan Mac 1978 untuk melaksanakan projek hujan tiruan bagi tempoh dua bulan. Oleh kerana beberapa kesulitan di pihak TUDM, kegunaan kapal terbang swasta telah dicadangkan. Dua tender bagi sewaan kapal terbang swasta untuk tujuan ini telah diterima dalam bulan Jun 1978. Walaupun jabatan Kaji Cuaca telah mengesyorkan agar tender yang paling rendah diterima, malangnya Lembaga Tender dalam bulan Ogos 1978 memutuskan untuk menerima tender yang lain. Penender yang berjaya dalam rundingannya dengan Lembaga Tender bersetuju mengurangkan bayaran demurrage ke atas kapal terbang itu dari \$31,213 kepada \$26,250 sebulan bagi tiap-tiap kapal terbang. Bagaimanapun perubahan ini telah tidak dimasukkan dalam kontrak dan akibatnya tersebut yang telah terlebih dibayar sebanyak \$58,662

pada akhir bulan November 1979. Jumlah bayaran demurrage yang dibayar bagi tempoh 1978-79 adalah \$391,798. Tuan Pengerusi, bukti-bukti selanjutnya menunjukkan bahawa penender yang berjaya tidak dapat menyediakan kapal terbang pada tarikh-tarikh ianya diperlukan untuk digunakan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ini tender untuk tahun berapa?

Dr Tan Seng Giaw: Untuk tahun 1979, sebagai satu bukti.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita sekarang sedang membincangkan peruntukan 1982.

Dr Tan Seng Giaw: Ya, Tuan Pengerusi, saya akan mencadangkan dengan permintaan untuk tambahan sebanyak \$3,748,000 ini baiklah kita memastikan bahawa tidak ada kelewatan ke atas perkhidmatan untuk membenihkan hujan itu dan juga bayaran demurrage yang telah dikenakan itu ditentukan dan diselaraskan supaya tidak dibayar dengan lebih daripada apa yang dijanjikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batang Lupar.

5.13 ptg.

Datuk Edwin Anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh sedikit sahaja Anggaran perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1982, Bekalan 56 dan Tambahan Anggaran Pembangunan 56, jumlah besar \$14,139,300 di bawah Kementerian Pengangkutan iaitu Program (c) Penerbangan Awam Sarawak dan Sabah.

Tuan Pengerusi, kita semua sedia maklum bahawa dasar Kerajaan telah sentiasa mencari jalan untuk meninggikan taraf penerbangan di peringkat antarabangsa dan

seterusnya Kerajaan juga akan mewujudkan penerbangan awam di seluruh negara, khususnya di negeri Sabah dan Sarawak supaya ianya akan dapat memberi kemudahan yang baik di antara Kerajaan dengan Kerajaan dan hubungan yang rapat akan dipercepatkan. Kerajaan juga sayang kepada rakyat dan rakyat juga berharap bahawa Kerajaan akan dapat memberi kemudahan penerbangan kepada mereka apabila mereka menghadapi masalah yang tidak diingini.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa pihak MAS dalam tahun 1982 ini telah berulang kali menerangkan dalam radio dan suratkhbar mengenai kerugian dan kerugian ini juga mengelirukan rakyat. Kerugian penerbangan MAS ini tidak dapat dinafikan kerana dalam masa Soal Jawab dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah menyatakan bahawa adalah benar MAS menaikkan tambang kapal terbang oleh kerana kenaikan harga minyak di dunia telah bertambah naik. Ini salah satu daripada sebabnya, tetapi kalaulah kita bandingkan dengan tambang kapal terbang di luar Malaysia maka di negara kita tambang kapal terbang lebih mahal.

Tuan Pengerusi, walaupun harga minyak dunia telah naik tetapi tambang kapal terbang dari Kuala Lumpur ke London tentu tidak dinaikkan. Oleh yang demikian, orang ramai ingin tahu mengapakah pihak MAS menaikkan tambang dua kali pada tahun 1982 ini? Adakah ini bertujuan bahawa pihak MAS tidak ada keuntungan dalam tahun kebelakangan? Tetapi saya difahamkan bahawa pihak MAS mendapat keuntungan mengikut keterangan dari akhbar iaitu dalam tahun 1970an dan pertengahan 1980an. Dan walaupun mungkin dua tahun ini MAS ada kerugian sedikit

tetapi orang ramai bertanya, kenapakah awal tahun 1982 ini MAS telah menaikkan tambang 10% dan dalam pertengahan tahun 1982 ini pihak MAS sekali lagi menaikkan tambang 10% menjadi kenaikan 20% tambang kapal terbang dalam Malaysia. Dengan dinaikkan tambang kapal terbang dalam Malaysia bertambah naik maka berlakulah keraguan rakyat jelata, kerana saya telah mendengar sungutan orang ramai di sebarang tempat, di kedai kopi dan sebagainya.

Ramai rakyat dari kawasan pedalaman yang ingin melawat ke Kuala Lumpur, tetapi apabila mereka dengar dalam radio bahawa tambang kapal terbang telah dinaikkan 20% dalam tahun 1982 ini, maka timbullah keraguan rakyat yang berpendapatan rendah, kerana mereka juga bersama-sama dengan pihak yang berada ingin melawat ke Semenanjung Malaysia, tetapi oleh kerana kenaikan harga tambang kapal terbang dari Kuching ke Kuala Lumpur naik 20% maka rakyat yang ingin melawat ke Kuala Lumpur pada hari ini tidak mampu membayar tambang tersebut.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini rakyat mengatakan MAS seperti ikan Tuman, anak-anaknya yang dikeluarkan banyak pada permulaannya, tetapi apabila tiba hampir dua minggu anak-anaknya habis dimakan. Jadi ikan Tuman itu makan anaknya sendiri. Ini sebagai contoh. Kerajaan kita memang penuh bertanggungjawab pada masalah rakyat. Inilah satu masalah rakyat yang perlu diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan supaya tambang kapal terbang dari sebuah negeri ke sebuah negeri, khususnya tambang kapal terbang di negeri Sarawak haruslah dikaji dengan teliti supaya tambang MAS dalam negeri Sarawak dapat diturunkan supaya keraguan orang ramai tidak bertambah buruk. Kalau tidak diambil perhatian serius, maka

ini boleh menjadi satu isu parti Pembangkang dalam masa pilihanraya yang akan datang.

Bagi pihak saya sebagai Ahli Bebas dalam Dewan yang mulia ini saya juga berasa bimbang. Walaupun saya Bebas pada hari ini tetapi saya menyokong dasar Kerajaan dan saya tidak menyokong usul-usul dan hujah-hujah yang dibangkitkan oleh DAP dalam Dewan yang mulia ini (*Tepuk*) kerana kebanyakan usul-usul yang dibawa oleh DAP tidak disokong oleh parti Pembangkang dan pihak PAS juga tidak menyokong DAP. Oleh yang demikian, DAP tidak dapat sokong dari PAS dan juga pihak DAP tidak dapat sokongan dari kami pihak Bebas. Jadi sekali lagi saya menyokong wang yang diminta oleh Kementerian yang berkenaan.

5.18 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):
(*Dengan izin*) Mr Chairman, I would like to refer to Maksud B. 52. This House is asked to approve a sum of \$6,930,985 for the Ministry of Transport out of which \$6,167,276 are additional expenses to subsidise the MAS rural air-services in Sabah and Sarawak. This allocation is for the period from 1st April, 1976 to 31st December, 1981.

Due to the absence of good road services in Sabah and Sarawak, many of the people living in the interior of Sabah and Sarawak depend on the MAS services for transport with the outside towns. Thus the MAS rural air-services in the States of Sabah and Sarawak are very essential without which the people living in the interior of these two States would face a lot of difficulties such as in the case of emergencies where there is no hospital and the patient has to be transported out to the main town for immediate medical attention. The DAP calls on the Government to allocate more funds for Sabah and Sarawak to

improve the rural air-services thus upgrading the living standards of the rural people in the States of Sabah and Sarawak.

The other point I wish to touch on is that the wages and conditions of service of the pilots in the rural air services should be improved and upgraded so as to provide a better service in Sabah and Sarawak for the benefit of the people in the interior of Sabah and Sarawak.

Now I would like to touch on B. 56. An additional sum of \$239,300 is also asked by the Ministry for Transport to improve the cleanliness in the Airports at Kota Kinabalu, Tawau and Sandakan. I would like to mention here that the condition of the toilets in the airports at these three areas is very dirty and smelly, particularly at the Tawau airport. I hope with the additional allocation the cleanliness in the airports in Kota Kinabalu, Tawau and Sandakan would be improved for the benefit of the travellers.

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, saya ingin berucap.

5.21 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tidak boleh, lambat sangat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: (Kepada Tuan Sim Kwang Yang) Sila duduk Yang Berhormat! Sudah lambat sangat.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar

dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Sandakan yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai perbelanjaan tambahan bagi Kementerian saya. Oleh kerana banyak perkara-perkara yang telah ditimbulkan tidaklah dapat saya menjawab satu persatu perkara-perkara yang berkenaan, oleh kerana ada di antara perkara-perkara itu adalah begitu detail yang mana terpaksa saya membuat kajian yang mendalam sebelum dapat memberi jawapan yang memuaskan ataupun jawapan yang sesuai. Walau bagaimanapun Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menimbulkan beberapa perkara berkaitan dengan perkhidmatan kajicucua, ini juga disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebentar tadi terutama berkenaan dengan operasi pembenihan hujan ataupun, dengan izin, cloud-seeding.

Tuan Pengerusi, suka saya menyatakan di sini bahawa cloud-seeding ini adalah satu perkara yang bolehlah dikatakan baru bagi negara kita dan cloud-seeding ini adalah merupakan satu operasi yang mana—saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau—ianya hanya boleh diadakan di dalam keadaan udara yang tertentu sahaja, iaitu mestilah ada awan-awan yang berkenaan yang boleh bahan-bahan yang tertentu dibenihkan ataupun ditaburkan ke dalam awan yang berkenaan sebelum ianya boleh mewujudkan hujan. Jadi sebagai satu perkara yang baru maka terpaksalah kita menjalankannya secara berhati-hati dan juga mana yang boleh pengalaman-pengalaman yang diperolehi daripada negara-negara lain, bukan sahaja Negara Siam seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi juga negara-negara di sebelah sini yang mana keadaan cuacanya adalah sama dengan keadaan cuaca kita, digunakan untuk memperbaikinya. Melalui satu

Jawatankuasa di peringkat ASEAN, perkara ini juga adalah menjadi satu perbincangan daripada satu masa ke satu masa dengan Negara-negara ASEAN. Mengenai jadual menjalankan "cloud-seeding" ini memang tidak dapat diadakan seperti jadual bas berjalan, keretapi berjalan, ataupun kapal terbang, itulah sebabnya kita tidak dapat menyelaraskannya sebagaimana Ahli Yang Berhormat katakan tadi di antara pihak kontraktor dengan pegawai-pegawai Kerajaan.

Aktiviti pembenihan hujan yang dijalankan oleh Jabatan Kajicuaca untuk membantu agensi-agensi yang tertentu seperti MADA dan juga Lembaga Letrik Negara hanya dapat dijalankan sekiranya ada awan-awan yang mencukupi. Oleh itu adalah jelas bahawa "cloud-seeding" hanya dapat dijalankan apabila awan yang memuaskan ada terutamanya di kawasan-kawasan yang mana hujan itu hendak diturunkan.

Suka saya menyatakan bahawa Jabatan Kajicuaca tidak mempunyai pesawat-pesawat untuk aktiviti "cloud-seeding" sendiri dan oleh itu Jabatan Kajicuaca mengadakan kontrak dengan syarikat penerbangan untuk menjalankan aktiviti ini manakala yang bertanggungjawab dan menentukan sama ada pada waktu itu sesuai ataupun sebaliknya adalah dibuat oleh Jabatan Kajicuaca.

Dari segi kontrak sukacita saya maklumkan bahawa ini adalah berdasarkan kepada keperluan oleh agensi-agensi seperti MADA dan juga Lembaga Letrik Negara yang saya perkatakan tadi. Jadi soalan sama ada kontraktor yang berkenaan rugi disebabkan masa yang lebih diperlukan untuk menunggu masa yang sesuai, perkara ini saya fikir patut diambil kira oleh kontraktor yang berkenaan memandangkan pengalaman beliau dalam masa beberapa tahun yang sudah. Dari segi

pegawai-pegawai Kerajaan, maka ini adalah merupakan satu tanggungjawab yang mana mereka mestilah melaksanakannya sepenuhnya oleh kerana apabila mereka itu tidak menjalankan tugas, iaitu semasa tidak ada awan yang sesuai, mungkin di dalam keadaan menunggu-nunggu tidak menjalankan tugas yang lain, jadi apabila masanya mereka dikehendaki menjalankan tugas, maka terpaksa berbuat demikian.

Saya mengambil berat apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa kapal terbang-kapal terbang yang digunakan tidak mempunyai alat-alat keselamatan yang tertentu. Saya menghargai pandangan Ahli Yang Berhormat itu dan akan membuat kajian dan penyelidikan mengenai perkara ini dan mana yang perlu kita akan minta syarikat penerbangan yang berkenaan mengadakan alat-alat keselamatan yang tertentu.

Tuan Pengerusi, MAS telah sekali lagi ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, tetapi ucapan terima kasih saya, ditujukan kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar oleh kerana sokongan dia yang diberikan kepada Kerajaan dan juga beliau tidak menyokong apa yang diutarakan oleh DAP ataupun PAS. Terima kasih Ahli Yang Berhormat, kami bagi pihak Barisan Nasional mengucap setinggi-tinggi terima kasih.

Saya menghargai perasaan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan tambang MAS yang kedengaran di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak akan meningkat naik dan sebagainya dan ragu-ragu sama ada mereka daripada sana akan dapat datang ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya memandangkan bahawa tambang telah naik sebanyak 20%, iaitu satu pada akhir tahun sudah, lagi

satu pada pertengahan tahun ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini di dalam jawapan yang telah saya berikan baru-baru ini, iaitu dari segi kenaikan tambang tiket-tiket bagi MAS jika dibandingkan dengan kenaikan yang telah diluluskan oleh IATA dan Kerajaan bagi penerbangan antarabangsa sebanyak 37%, ianya adalah masih rendah kerana yang telah diluluskan bagi penerbangan dalam negeri adalah 20% sahaja semenjak tahun 1976. Jadi jelaslah bahawa kalau dikatakan tambang bagi negeri-negeri yang lain adalah murah daripada negara kita ini, ini tidaklah begitu tepat. Begitu juga saya telah memberikan angka-angka mengenai unit cost per kilometer di dalam jawapan saya baru-baru ini yang memberikan bahawa unit cost per kilometer bagi tambang MAS dalam negara kita ini adalah sebanyak 0.23.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat!

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Minta maaf, saya banyak lagi hendak menjawab. adalah sebanyak 0.23 untuk 1 kilometer. Negara-negara yang lain, Jerman Barat 0.71, United Kingdom 0.60, Negara-negara ASEAN, Indonesia 0.43, Filipina 0.25, Negeri Siam 0.21 (murah sedikit daripada kita), Negara Jepun 0.29 dan Korea Selatan 0.35. Jadi bermaknalah bahawa tambang MAS dalam negeri kita ini masih murah jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang berkenaan, kecuali Negara Siam, iaitu berdasar kepada unit cost per kilometer tadi. Saya percaya bahawa unit perkhidmatan daripada Sabah/Sarawak ke Semenanjung ini yang mempunyai capacity ataupun load factor antara 70% hingga 75% Semenanjung-Sabah/Sarawak dan Sabah/Sarawak-Semenanjung adalah

masih membuktikan bahawa rakyat Negeri Sabah dan Sarawak masih mampu dan suka hendak datang ke Semenanjung Malaysia ini. Perkhidmatan luar bandar akan terus diperbaiki dengan mewujudkan lapangan terbang-lapangan terbang yang sesuai, dengan mengadakan pesawat-pesawat yang lebih besar dan lebih ekonomik lagi jika dibandingkan dengan keadaan sekarang ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah sekali lagi membangkitkan masalah berkenaan dengan subsidi yang diminta dalam peruntukan tambahan ini yang mana ia telah menimbulkan satu teguran yang telah dibuat oleh Jabatan Audit mengenai subsidi yang telah dibayar bagi tahun 1975 dan 1976. Di antara lain, teguran Ketua Audit Negara mengatakan bahawa satu ulangkaji perlu dibuat mengenai subsidi yang diberikan kepada MAS. Jadi sepatutnya Kerajaan mestilah diberi pujian berkenaan perkara ini memandangkan bahawa memang Kerajaan mengambil perhatian yang berat terhadap subsidi ini dan mengkaji formula-formula bagaimana subsidi ini dapat diberi kepada MAS, iaitu demi kepentingan penduduk-penduduk di luar bandar di Sabah dan Sarawak. Suka saya menyatakan bahawa sekarang ini satu formula yang baru telah pun digubal di antara pihak MAS, Perbendaharaan, Kementerian saya dan Jabatan-jabatan yang lain dan bagi masa-masa yang akan datang formula ini akan digunakan untuk memberikan subsidi kepada MAS bagi perkhidmatan luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyatakan berkenaan dengan keraguannya dari segi pelaksanaan Pelabuhan Kelantan supaya tidak menjadi Pelabuhan Kuantan. Sukalah saya menyatakan bahawa di dalam melaksanakan projek Pelabuhan Kelantan ini 4

langkah yang penting adalah dititik-beratkan, iaitu satu sebuah firma juru-perunding pengurusan projek ini telah dilantik sebagai "management team unit", juru-perundingnya iaitu Juru-Perunding Sepakat Setia Perunding telah dilantik pada 27hb Januari, 1982 dan projek ini akan dibina melalui secara "turnkey". Kedua sebanyak 10 buah "turnkey" kontraktor telah dipanggil dan kontraktor-kontraktor tersebut dikehendaki menyampaikan cadangan mereka pada tarikh yang sesuai, iaitu cadangan kewangan kepada Perbendaharaan dan cadangan teknikal kepada Kementerian saya. Yang ketiga, ialah Perbadanan Kemajuan dan Iktisas Negeri Kelantan adalah dilantik menjadi agensi pelaksana bagi pihak Kementerian Pengangkutan. Yang keempat, sebuah Jawatankuasa Teknik ditubuhkan bagi mengkaji soal-soal yang melibatkan perkara-perkara teknikal dalam pembinaan pelabuhan tersebut. Jadi dengan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan berkaitan dengan pelaksanaan projek ini maka Kementerian saya dan Kerajaan juga yakin bahawa ianya dapat dijalankan dengan baik, dengan memuaskan serta ianya dapat diwujudkan mengikut jadual, iaitu pada tahun 1986.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan apa yang dikatakan mengenai Pelabuhan Kelang sebentar tadi, iaitu sama ada Kerajaan akan dari masa ke masa memperbaiki keadaan dan merancang kemudahan-kemudahan yang ada di Pelabuhan Kelang dan pelabuhan-pelabuhan yang ada dalam negara kita ini mengikut keperluan perkembangan ekonomi. Jawabnya ialah ada dan memang sepertimana yang kita sedia maklum, bukan sahaja di Pelabuhan Kelang akan diperbesarkan dan ditambahkan dengan adanya Pelabuhan Pulau Lumut, tetapi juga

bagi pelabuhan-pelabuhan yang ada, iaitu Pelabuhan Pulau Pinang, Pasir Gudang, Kuantan, akan ditambah kemudahan-kemudahan, termasuk dermaga-dermaga yang tertentu.

Di samping itu juga seperti yang telah saya katakan tadi selain daripada Kelantan, juga akan diwujudkan satu pelabuhan di Tanjung Berhala, Terengganu dan di Pulau Langkawi. Bermaknalah bahawa Barisan Nasional dan Kerajaan memang merancang sesuatu yang hendak diperbuat berdasarkan kepada keperluan dan kajian yang teliti, bukan cuma cara *ad hoc* sahaja. Mungkin perkara ini saya fikir kalau DAP menjadi Kerajaan, ianya akan membuat projek-projek secara *ad hoc*. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$6,930,985 untuk Maksud B. 52; \$239,300 untuk Maksud B. 56 dan \$3,748,000 untuk Maksud B. 57 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,930,985 untuk Maksud B. 52; \$239,300 untuk Maksud B. 56 dan \$3,748,000 untuk Maksud B. 57 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$70,592,535 yang disebutkan dalam Maksud P. 52; \$2,000,000 untuk Maksud P. 54; \$13,900,000 untuk Maksud P. 56 dan \$10 untuk Maksud P. 57 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$70,592,535 untuk Maksud P. 52; \$2,000,000 untuk Maksud P. 54; \$13,900,000 untuk Maksud P. 56 dan \$10 untuk Maksud P. 57 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982.

Maksud B. 59 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Kepala B. 59 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.42 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya sebut Maksud B. 59 Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di mana ada satu tambahan sebanyak \$875,344 diminta untuk menampung perbelanjaan perlantikan pakar perunding untuk mengkaji semula organisasi dan penyusunan Lembaga Letrik Negara.

Saya harap bahawa kajian semula organisasi dan penyusunan Lembaga Letrik Negara bahawa pihak Kementerian dan Yang Berhormat Menteri boleh memberi perhatian atas satu perkara yang saya rasa ada menimbulkan ketidakadilan dan inequity kepada sebilangan rakyat Malaysia.

Saya sebut mengenai apa yang sudah berlaku yang bermula daripada 1hb Oktober, 1982 di mana apabila Lembaga Letrik Negara sudah ambil alih bekalan electricity kepada semua kawasan di Perak daripada Perak Hydro Electric Power Company and anak syarikatnya Kinta Electrical Distribution Company. Perak Hydro ada membekalkan electricity kepada 350 buah lombong-lombong bijih dan juga pengguna-pengguna industrial dan juga 368, dengan izin, bulk supply points kepada Kinta Distribution di beberapa bandar dan kampung-kampung dan sebab itu Kinta Distribution ialah anak syarikat Perak Hydro ada membekalkan electricity

kepada 102,147 pengguna-pengguna yang termasuk 88,362 pengguna domestic, 12,555 commercial, 955 industrial dan 235 public lighting.

Tuan Pengerusi, sejarah Perak Hydro ialah sebagai satu syarikat British yang bermula pada tahun 1926 apabila syarikat itu diberi hak untuk, dengan izin, generate transmit dan untuk mengagih dan menjualkan electricity kepada sebahagian besar di Perak yang termasuk Hulu Perak, Kuala Kangsar, Batang Padang dan Hilir Perak, dan di tahun 1976 Kerajaan Malaysia ada membeli sepenuhnya saham-saham Perak Hydro.

Semua pekerja-pekerja di dalam syarikat-syarikat tersebut yang dekat 2,000 orang menyokong program integrasi LLN supaya barulah ada satu Authority atau Lembaga yang bertanggungjawab untuk membekalkan electricity di negara ini. Tetapi dalam proses integrasi ini pekerja-pekerja di Perak Hydro nampaknya tidak diberi satu layanan yang adil oleh Lembaga Letrik Negara di mana perkhidmatan, gaji, hak-hak pencen, masa hadapan naik pangkat mereka, semuanya tidak diambil kira untuk menempatkan mereka dalam LLN sebagai pekerja-pekerja yang baru.

Sungguhpun Perak Hydro sebuah company yang sangat beruntung, kalau tidak silap company ini nilai buku sekarang sebelum diambil alih ke atas harta-harta tetap dan stor dekat \$200 juta dan sungguhpun syarikat ini satu syarikat yang sangat beruntung oleh kerana kerjasama dan kerja rajin pekerja-pekerja di Perak Hydro, LLN yang ambil alih syarikat tersebut tidak mahu mengiktiraf perkhidmatan pekerja-pekerja tersebut dan menempatkan pekerja-pekerja Perak Hydro dalam LLN sebagai pekerja yang baru. Saya rasa sikap ini sangat dikesali, oleh kerana seorang pekerja yang ada 10-15 tahun perkhidmatan

inilah satu hak pekerjaan mereka dan sungguhpun perkara ini telah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mengkaji semula perkara ini dan kalau boleh mengiktirafkan perkhidmatan pekerja-pekerja dan perkara ini pun boleh dikeluarkan daripada Mahkamah Perusahaan sebagai contoh majikan yang baik di negara ini. Tetapi apa yang lebih menyakitkan hati pekerja-pekerja ialah sikap Lembaga Letrik Negara dan Kemenerian Tenaga, Telekom dan Pos mengenai kedudukan 300 pekerja-pekerja kerani dan supervisory yang oleh kerana diambil alih oleh LLN, gaji mereka mengalami satu kekurangan atau kejatuhan yang besar.

Dalam satu mesyuarat yang diadakan antara Kesatuan Pekerja-pekerja Perak Hydro dengan Yang Berhormat Menteri, pada 24hb Ogos Yang Berhormat Menteri ada buat satu jaminan bahawa (ini adalah dalam minit-minit Kementerian), dengan izin saya quote:

“Perbezaan gaji yang akan diterima di LLN; (oleh group ini iaitu 300 orang clerical and supervisory staff) dengan gaji yang diterima sekarang ini dapat diperkecilkan lagi dengan syarat tidak melebihi had maksima yang ditetapkan dalam scale skim perkhidmatan LLN untuk kumpulan clerical and supervisory ini.”.

Malangnya janji ini tidak ditunaikan dan akibatnya antara kumpulan ini ada yang dikurangkan gaji dahulu daripada 10% kepada 54%.

Saya mahu bertanya Yang Berhormat Menteri kenapa beliau tidak menunaikan janjinya kepada kesatuan bahawa mereka yang ditempatkan dalam LLN akan ditempatkan kepada salary point yang terdekat sekali dalam LLN.

Sebagai satu contoh ada seorang pekerja dalam kumpulan ini yang mendapat \$1,040 gaji bersih selepas 12 tahun berkhidmat dengan pihak Perak River Hydro-Electric Power Company Limited, ditawarkan oleh LLN skel C11 dengan tanggagaji \$780 gaji bersih di mana beliau akan rugi \$260 sebulan. Saya rasa ini tidak harus dengan janji Yang Berhormat Menteri sudah beri kepada Kesatuan tersebut.

Satu lagi contoh yang lebih dahsyat, seorang pekerja berumur 51 tahun yang menikmati gaji \$1,779.60 di Perak Hydro, ditawarkan di Kod Gaji C3—dengan tanggagaji \$1,240, jatuh \$539.60 dan semua mereka ada komitmen-komitmen beli rumah, menghantar anak-anak mereka dalam negeri atau luar negeri, saya tidak tahulah, untuk pengajian tinggi dan sekarang menghadapi satu keadaan di mana gaji mereka sudah jatuh begitu teruk. Saya rasa ini satu masalah yang besar dan dari segi keadilan bahawa Yang Berhormat Menteri boleh mengkaji perkara ini semula dan juga memenuhi janji yang beliau ada buat kepada Kesatuan. Oleh kerana kalau kakitangan-kakitangan LLN tidak puas hati, saya rasa mahu kecekapan dan kelicinan sangat susah dan dengan sebab itu saya harap dalam segi kajian semula organisasi dan penyusunan LLN perkara ini patutlah diberi minat dan perhatian yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

5.53 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Maksud B. 59, Tambahan sebanyak \$875,344 dikehendaki untuk menampung perbelanjaan perlantikan pakar perunding untuk mengkaji semula organisasi dan penyusunan Lembaga Letrik Negara.

Memang saya berpendapat organisasi dan penyusunan semula Lembaga Letrik Negara perlulah diadakan memandangkan Rancangan

Malaysia Keempat yang memerlukan perkhidmatan Lembaga Letrik Negara yang lebih luas dengan mutu yang lebih tinggi lagi.

Sukalah saya mengemukakan satu masalah mengenai organisasi dan penyusunan semula LLN untuk perkhidmatan kepada setinggan-setinggan. Memandangkan pada masa ini di Wilayah Persekutuan kita mempunyai $\frac{1}{4}$ juta setinggan, ini bermakna $\frac{1}{4}$ penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ialah setinggan. Saya bagi satu bukti pada tahun 1981 dan awal tahun 1982 di mana terdapat satu peristiwa yang sangat menyedihkan hati saya mengenai bekalan elektrik pada setinggan iaitu pada setinggan di Jinjang Utara dan Jinjang Selatan.

Saya berharap dengan mengemukakan masalah ini pihak LLN selepas mengkaji semula organisasi dan menyusun semula pertubuhannya dapat mengelakkan peristiwa yang seumpama ini. Pada awal tahun 1981 saya dapat tahu rancangan bekalan elektrik untuk setinggan di Kuala Lumpur Utara yang menggunakan perbelanjaan lebih daripada \$2 juta. Ini termasuk kawasan Jinjang Utara dan Jinjang Selatan. Jumlah isi rumah setinggan di situ lebih kurang 2,000 dan pada tahun 1981 mereka meminta dan mendapat bekalan elektrik dan pemasangan alat-alat dan wayar-wayar elektrik sesebuah isi rumah setinggan ialah pada masa itu saya ada menanya lapan syarikat kontraktor elektrik. Kos untuk empat point dan sebagainya untuk satu buah rumah setinggan tidak lebih daripada \$270. Ini bermakna si kontraktor itu akan mendapat keuntungan sekurang-kurangnya \$70. Malang sekali, dengan pihak Barisan Nasional pada ketika itu atas nama Gerakan membenarkan satu kontraktor sahaja yang membolot semua kerja-kerja untuk memasang elektrik di kawasan itu. Sekurang-kurangnya 1,500 buah, membolot

semua, tiada open tender, tiada apa-apa dan dikenakan bayaran ke atas tiap-tiap rumah \$450 serumah untuk memasang wayar dan alat-alat elektrik. Dengan cara-cara tipu muslihat mengabui mata setinggan-setinggan di situ dengan keuntungan yang lebih daripada yang berpatutan dan pihak, waktu itu BSN pun ada menjalankan siasatan tetapi mungkin dapat mengemukakan laporannya pada masa akan datang. Tetapi di sini saya hendak menekankan bahawa pihak Barisan Nasional yang dengan menggunakan nama Gerakan di situ dengan kunci-kunci dan petualang-petualang politik di situ memungut lebih daripada \$400,000 daripada setinggan-setinggan di Jinjang Utara dan Jinjang Selatan. Dan projek itu pada awalnya selepas pilihanraya ia ditamatkan.

Sekarang siapa yang tidak menyetujui dengan syarat-syarat yang keterlaluan itu ia dikenakan bayaran lebih. Semasa itu ada rancangan yang serupa di kawasan yang lain termasuk di Kampung Pasir di Sentul, Kampung Bentang, Kampung Bangkong, di Kawasan Kepong tetapi mereka itu dengan Ketua-ketua Kampung yang waras yang melakukan adil tidak pungut lebih daripada \$280 atau \$300 setiap rumah. Jadi kalau berbanding dengan kawasan Sentul, Kampung Pasir di Jinjang mereka itu ada bayar lebih. Dengan sebab itu saya menyeru selepas penyusunan semula, selepas mengkaji semula organisasi-organisasi Lembaga Letrik Negara, kita hendaklah berhati-hati supaya peristiwa yang seumpama itu tidak akan berulang lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.21 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan

Pengerusi, saya suka memberi ucapan terima kasih kepada kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap mengenai Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Terutama sekali suka saya menerangkan bersabit dengan tindakan Kerajaan bahawa Lembaga Letrik Negara menjalankan tugas menjana dan menyalurkan kuasa elektrik di tempat-tempat yang dulunya dikuasai oleh Perak River Hydro-Electric Power dan anak syarikatnya Kinta Electric Distribution Company. Yang kebetulannya, kedua-dua syarikat ini terdiri daripada Syarikat British tetapi memandangkan hasrat dan polisi Kerajaan bahawa kita patut menjaminkan tugas-tugas di negara kita yang dapat dijaga oleh kita sendiri maka Kerajaan berhasrat untuk memulangkan domiciled company tersebut ke negara kita.

Berlanjutan dari itu pihak Board of Directors Perak River Hydro-Electric Power dan anak syarikatnya Kinta Electric Distribution Company telah membuat keputusan bahawa kedua-dua syarikat ini tidak lagi menjalankan tugas-tugas menjana dan menyalurkan kuasa elektrik di kawasan-kawasan yang ditugaskan kepadanya di negeri Perak. Oleh kerana Perak River Hydro-Electric Power dan Kinta Electric Distribution Company sudah memberi atau membuat keputusan tidak menjalankan tugas-tugas ini lagi, terpaksa Kerajaan mengarahkan pihak Lembaga Letrik Negara menjalankan tugas-tugas mengendalikan elektrik di kawasan itu untuk menjamin bahawa pengguna-pengguna elektrik di kawasan yang tersebut dapat terus menggunakan kuasa elektrik.

Perlu saya menegaskan di sini ini bukan tujuan Lembaga Letrik Negara sendiri tetapi ianya terpaksa oleh kerana keputusan Kerajaan untuk menentukan bekalan elektrik di kawasan tersebut masih terjamin dan

masih berjalan. Berlanjutan dari itu kita mesti mengingatkan dua perkara. Perkara yang pertama bersabit dengan syarat-syarat perkhidmatan mereka yang sudah bertugas dalam Perak River Hydro-Electric Power dan Kinta Electric Distribution Company dengan kompeni-kompeni dahulu itu memanglah tanggungjawab kompeni-kompeni atau syarikat-syarikat itu sendiri. Mereka yang bertugas di situ memang bertugas dengan syarat-syarat dan janji-janji yang tertentu. Terpulanglah kepada kedua-dua syarikat itu menunaikan janji-janji dan syarat-syarat di mana mereka bertugas. Selepas itu Lembaga Letrik Negara memang bersama-sama dengan tugas-tugas yang hendak menggunakan kakitangan yang baru untuk menjalankan tugas di sana memberi keutamaan untuk memanggil mereka yang telah bertugas di kedua-dua syarikat itu jika mereka bersetuju dan jika mereka menerima bahawa mereka terpaksa menerima syarat-syarat pekerjaan yang baru tidak lain dan tidak berbeza dengan syarat-syarat yang berguna dan dilaksanakan kepada kakitangan Lembaga Letrik Negara sendiri.

Walau bagaimanapun Lembaga Letrik Negara menimbang memandangkan kebanyakan mereka itu ada mempunyai pengalaman yang tertentu bahawa syarat yang dikemukakan dan untuk mereka bertugas dan berkhidmat bersama dengan Lembaga Letrik Negara dilonggarkan dengan memberi pertimbangan berdasarkan experience yang telah didapati walaupun mungkin mereka tidak mempunyai qualification yang diperlukan. Tetapi memandangkan mereka ada mempunyai pengalaman yang seimbang, mereka juga diberi perkhidmatan yang tidak jauh bezanya dengan apa yang mereka telah dapati di waktu mereka bertugas dengan pihak syarikat Perak River Hydro-Electric Power.

Di dalam kita memberi perkhidmatan yang baru ini memang kita tidak dapat memberi kesenangan sepenuhnya dengan apa yang dikehendaki oleh mereka yang meminta bertugas di situ. Tetapi kita berpuas hati di atas perkhidmatan yang telah disyorkan dan sekarang ini telah diterima oleh sebab perkhidmatan mereka cukup memuaskan, perkhidmatan yang menasabah, perkhidmatan yang adil selain dari anggapan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, kerana saya difahamkan dan saya sendiri sedar bahawa banyak dari mereka yang telah bertugas telah menerima perkhidmatan bersama dalam Lembaga Letrik Negara. Sedikit sahaja mereka yang tidak menerima perkhidmatan ini. Mereka tidak menerima oleh kerana dari satu segi mereka telah mencapai had umur bersara dalam perkhidmatan mereka sendiri.

Saya suka menegaskan di sini bahawa mereka yang bertugas itu mendapat dua benefit. Benefit yang pertama bahawa mereka mendapat termination benefit dari Syarikat Perak River Hydro-Electric Power dan pihak syarikat Kinta Electric Distribution Company bersama dengan janji-janji dan syarat-syarat yang mereka bertugas di waktu itu. Benefit yang kedua bahawa mereka telah diberi perkhidmatan bersama dalam Lembaga Letrik Negara. Walaupun mungkin ada satu dua yang tidak berpuas hati tetapi kita tidak dapat menjamin 100% bahawa kesemua mereka itu berpuas hati, tetapi kita faham dan kita berpuas hati bahawa perkhidmatan mereka itu diserahkan dan diterima oleh kebanyakan ahli-ahli yang dahulunya bertugas dengan adil dan menasabah. Saya berharap kita tidak mengungkit-ungkitkan lagi perkara ini oleh kerana pada setakat ini perkara ini sudah selesai dan pekerjaan pula telah berjalan dengan licinnya dan kita

berharap mereka akan terus memberi perkhidmatan yang licin, yang baik untuk menentukan perkhidmatan elektrik di kawasan negeri Perak yang dahulunya dikuasai oleh Perak River Hydro-Electric Power akan terus memuaskan bagi kepentingan pengguna-pengguna elektrik di negeri itu.

Bersabit dengan perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, suka saya menyatakan bahawa memang bekalan kuasa elektrik kepada setinggan dilaksanakan berdasarkan kepada persetujuan antara Lembaga Letrik Negara bagi melaksanakan sambungan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan setinggan di dalam Wilayah Persekutuan ditentukan dan ditetapkan mengikut persetujuan pihak Dewan Bandaraya dengan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan.

Sesudah sesuatu tempat itu diluluskan oleh pihak Dewan Bandaraya dan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan baharulah itu diserahkan kepada Lembaga Letrik Negara untuk dilaksanakan dan menyambung bekalan elektrik ke tempat itu. Bermakna ianya bertanggungjawab untuk memutuskan mana-mana tempat setinggan yang dapat bekalan elektrik ianya terpulanglah kepada pihak Kementerian Wilayah Persekutuan. Pihak Lembaga Letrik Negara cuma mengendalikan keputusan itu. Di waktu mengendalikan keputusan itu memang kita menentukan bahawa pelaksanaan projek ke tempat yang diluluskan itu berjalan dengan sempurna, dengan baik. Saya difahamkan pihak pengguna-pengguna elektrik di kawasan-kawasan yang mendapatkan elektrik di setinggan yang setakat ini tidak ada memberi laporan sepertimana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi. Oleh kerana itu saya tidaklah terpaksa menyerahkan Ahli Yang Berhormat itu memanjangkan

ceritanya oleh kerana kita sudah mendengarnya dengan panjang.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Dan jika ianya tidak digunakan, kita akan beri perhatian yang sebenarnya. Tuan Pengerusi, kalaulah Ahli Yang Berhormat itu melihat saya masih lagi bercakap sudah tentu ianya menggambarkan saya tidak memberi kebenaran bahawa dia boleh memberi keterangan lagi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$875,344 untuk Maksud B. 59 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$875,344 untuk Maksud B. 59 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud B. 62 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 62 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982)—

Tuan Pengerusi: Maksud B. 62 dan Maksud P. 62 di bawah Kementerian Kebajikan Am terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

6.13 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya tidak akan melepaskan perkara ini dalam Belanjawan dengan wang rakyat, tidak akan dilepaskan untuk begitu sahaja.

Tuan Pengerusi, dengan peruntukan dan permintaan ini Kementerian Kebajikan Am hendak mengadakan dua pusat pemulihan lagi untuk penagih-penagih dadah. Ini adalah

suatu langkah yang betul kerana pertambahan penagih-penagih getah di negara kita. Tetapi.

Tuan Pengerusi: Penagih dadah atau getah Yang Berhormat? (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: Penagih dadah. Ada dadah berupa getah juga (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, suatu masalah yang serius kerana walaupun dilaung-laungkan dari pihak yang tertentu Kerajaan terutamanya ada mengambil tindakan untuk mencegah masalah penagih dadah tetapi masih wujudnya masalah dan bukan sahaja masih wujudnya, masalah ini kian menjadi-jadi. Saya sebagai pengamal perubatan dan juga sebagai Wakil Rakyat dari masa ke semasa menerima aduan, menerima permintaan untuk menolongnya. Semalam juga saya telah terima satu permintaan, satu rayuan supaya seorang penagih dadah yang berumur 17 tahun sahaja dimasukkan ke tempat pemulihan dadah. Saya percaya bilangan penagih-penagih dadah yang tidak dapat menerima rawatan yang lebih daripada yang dapat menerima rawatan. Saya mencadangkan bahawa bukan sahaja kita hendak menambahkan pusat-pusat pemulihan dadah bahkan juga kita hendak menambahkan bilangan kakitangan-kakitangan yang dapat menjalankan tugas pemulihan itu. Setakat ini pada pendapat saya bilangan kakitangan di dalam pusat-pusat pemulihan dadah itu tidak cukup. Tambahan pula mereka yang ada di situ sebahagiannya tidak dapat latihan yang perlu diambil untuk menjalankan tugas dengan sempurna. Oleh itu saya mengesyorkan agar Kementerian Kebajikan Am bukan sahaja menambahkan pusat-pusat pemulihan penagih-penagih dadah juga Kementerian tersebut hendaklah menghantar kakitangan-kakitangan dan menambahkan kakitangan-kakitangan untuk melatih dalam

bidang yang pakar—bidang yang memerlukan kepakaran, kemahiran yang tertentu seperti doktor, peguam dan sebagainya. Untuk mendapatkan prestasi yang lebih lagi ke atas tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak yang tertentu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Batu Pahat.

6.17 ptg.

Tuan Daud bin Haji Taha (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bersama-sama membahaskan peruntukan tambahan sebanyak \$397,340 untuk Kementerian Kebajikan Am. Saya menyokong penuh mengenai niat Kerajaan untuk mengadakan atau menambah lagi pusat-pusat pemulihan dadah. Walau bagaimanapun, pada pendapat saya penglibatan ataupun berbalik semulanya penagih-penagih dadah ini walaupun mereka telah menjalani kursus ataupun menjalani pembedahan di tempat-tempat yang berkenaan, pada pendapat saya adalah kerana tidak berkesannya pembedahan yang telah dibuat itu.

Saya suka membawa perhatian Dewan ini kepada anak-anak muda sekarang yang telah begitu menghayati Islam dengan sedalam-dalamnya. Sekiranya mereka boleh memakai jubah dan berserban kerana penekanan ataupun pemahaman mereka kepada Islam dengan begitu mendalam, seterusnya menghayati Islam dan mencintai agama Islam serta mencintai Rasul dan Allah s.w.t. maka pendapat saya adalah lebih baik kalau penagih-penagih dadah yang beragama Islam yang diberikan pembentukan akhlak semula itu di pusat-pusat pemulihan dadah diberikan tekanan untuk menghayati Islam dengan lebih mendalam lagi.

Di dalam perkara ini, saya sukalah menyarankan kepada Kementerian

supaya mendapat kerjasama daripada bidang-bidang pendakwah Jabatan Perdana Menteri, Darul Arqam dan lain-lain Badan pendakwah Islam supaya boleh membawa mereka ini sedar, sedar akan apa yang patut dipelajari oleh mereka akan cara hidup Islam yang sejati kerana untuk melawan, mengalahkan kebiasaan menagih dadah ini tidak akan pulih dengan paksaan sahaja tetapi ia adalah berkehendakkan will power ataupun perasaan sebenar-benarnya berlawanan akan kehendak berbalik kepada menghisap dadah, sama jugalah seperti kita hendak berhenti menghisap rokok. Berhenti menghisap rokok berkehendakkan satu dengan izin, will power yang cukup kuat, sekiranya tidak besar kemungkinan kita akan berulang-alik, berhenti dan bermula semula. Jadi, seseorang itu mestilah berkemampuan mengadakan kepada dirinya satu will power yang kuat demi untuk membentasi dengan izin, urge untuk berbalik semula kepada menghisap rokok ataupun menghisap dadah. Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, pada pendapat saya sampailah masanya Kementerian Kebajikan Am mengambil satu langkah baru meminta bantuan daripada badan-badan yang saya telah sebutkan tadi supaya kemungkinan mereka yang telah tersesat jalan ini akan pulih dan balik ke pangkal jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Matang.

6.23 ptg.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Tuan Pengerusi, di sini saya ingin bercakap dan menyokong di atas peruntukan tambahan Kementerian Kebajikan Am yang berjumlah \$397,340.

Tuan Pengerusi, di sini ingin saya bercakap di atas dua perkara. Yang pertamanya mengenai dadah yang mana sebagaimana kita sedia maklum

bahawa orang-orang yang melibatkan diri dalam penagihan dadah ini terlalu banyak sekali terdapat di negara ini bahkan juga di rantau Tenggara Asia dan juga dunia.

Di sini saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian ini iaitu Kementerian Kebajikan Am agar mengadakan lebih banyak pusat-pusat penagihan dadah ini di merata-rata negeri, tidak hanya terlibat kepada negeri-negeri seperti di Johor, di Selangor dan juga di dua, tiga negeri ini sahaja, tetapi saya mengesyorkan supaya diperbanyakkan tiap-tiap negeri diadakan oleh kerana pada masa sekarang ini saya dapati dan saya lihat sendiri apabila saya melawat ke Balai-balai Polis boleh dikatakan pada tiap-tiap malam ada diterima tangkapan-tangkapan daripada pihak penagih-penagih dadah ini sehinggakan lokap-lokap di Balai-balai Polis itu tidak lagi boleh diisi dengan orang-orang yang terlibat dalam masalah penagihan dadah ini.

Yang keduanya, saya ingin mengesyorkan ataupun mencadangkan kepada Kementerian ini kalau dapat dengan kerjasama daripada pihak Polis mengadakan satu badan yang dinamakan Badan Pencegah Anti-Dadah yang mana badan ini pegawai-pegawainya dilatih dan mempunyai pengalaman dan dikatakan profesional dalam masalah dadah. Jadi, pegawai-pegawai ini diberi satu kuasa untuk menangkap orang-orang yang disyaki terlibat dalam masalah dadah sebagaimana contoh di sebuah negara jiran tetangga kita yang mana pihak negara itu mengadakan satu badan sama ada daripada pihak Polis ataupun daripada pihak kebajikan yang dinamakan Badan Pencegah Anti-Dadah.

Mereka ini ada kuasa, apabila kita melihat orang yang berpengalaman dalam masalah dadah ini dia tahu, dia dapat mengesyaki seseorang yang terlibat dalam dadah ini dengan rupa

dia, dengan pucat dia, ini orang yang ahli hisap dadah, badan pun melengkung sahaja, rambut pun satu macam, bahkan sejak dua bulan saya tinggal di Kuala Lumpur ini saya lihat banyak, merayau merata-rata tidak tentu arah dalam sekitar Kuala Lumpur tetapi tidak ada apa-apa tindakan daripada pihak yang berkenaan bagi mencegah penagihan dadah ini.

Di sini saya rasa elok sangat Kementerian Kebajikan Am ini menggubal satu Perlembagaan yang mana mengadakan pegawai-pegawai yang dilatih khas dalam masalah dadah, jangan pula pegawai ini pun terlibat menghisap dadah, cuma kita latihkan mereka mengetahui. Jadi, kuasa mereka itu menangkap dan membawa ke satu tempat yang mana disediakan doktor-doktor untuk menyasat misalnya air kencing mereka sebab doktor ini tahu apabila seseorang yang terlibat dalam masalah dadah ini rupa air kencing itu berlainan daripada orang-orang yang bukan orang yang menghisap dadah, begitu juga dengan orang yang menghisap rokok dengan orang yang tidak menghisap rokok, airnya berlainan.(Ketawa).

Tuan Pengerusi: Betulkah Yang Berhormat?

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Ya.

Tuan Pengerusi: Betulkah?

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Jadi dengan sebab itulah saya mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya mengadakan satu badan ataupun kita kata satu force macam kita Polis, ada satu strike force untuk mencegah masalah penagihan dadah ini.

Yang ketiga, masalah bantuan-bantuan kepada orang yang benar-benar miskin. Di sini saya dapati terutama orang-orang kampung yang

mana tidak ada keluarganya yang mana mereka ini perlu menerima bantuan-bantuan berupa kewangan untuk menyara hidup bahkan di kawasan saya itu kalau dijumlahkan hampir-hampir 100 orang tetapi apabila kita membuat permohonan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, apa yang dijawab dan disokong oleh Wakil Rakyat, jawapan daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat, peruntukannya tidak mencukupi.

Kita sedar dalam masalah sekarang ini bahawa di atas kemelesetan ekonomi negara dan juga dunia, tetapi apa salahnya Kementerian ini dengan kerjasama daripada Yang Berhormat Mulia Kementerian Kewangan, apa salahnya beri lebih sedikit, kerana hendak membantu orang-orang miskin, beri sedikit lebih kepada Kementerian Kebajikan Am. Kasihanlah kepada Menteri Kebajikan Am kerana apabila saya merayu kepada beliau, beliau kata macam mana hendak beri, peruntukan tak cukup. Kalau dapat merayu kepada Menteri Kewangan, insya-Allah. Sekarang kita minta jasa baik Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tolong-tolonglah bantu kerana mereka orang miskin, sebab negara kita negara kebajikan tolonglah kepada fakir miskin ini. Dapat pahala besar itu!

Selain daripada itu masalah bantuan kepada rumah kebajikan, di sini pun saya melihat keadaan mereka itu tak ada keluarga, kalau dapat ditambah wang sedikit lagi kepada mereka itu. Maka dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh di atas peruntukan tambahan kepada Kementerian Kebajikan Am yang berjumlah \$397,340. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila menjawab.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Jawan anak

Empaling): Tuan Pengerusi, saya nampak tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang sebenarnya tak ada modal, dia lihat kiri dan kanan nampak orang tak ada bercakap, dia bangun juga. Tuan Pengerusi, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi itu memanglah dari semasa ke semasa Kementerian saya memang ada pertimbangan untuk mendirikan pusat-pusat pemulihan dadah mengikut keadaan kemampuan negara kita dan bilangan kakitangan pun dari semasa ke semasa kita juga menentukan berapa yang cukup kita ambil dan latihan yang patutnya kita beri, bukan kita tak beri. Saya ingat Ahli Yang Berhormat itu cuma hendak ambil masa sahaja hendak bercakap supaya pihak akhbar boleh dengar, tetapi semua itu dalam perhatian Kementerian saya.

Dan juga pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dari Batu Pahat, dalam Kementerian saya ada bermacam-macam aktiviti. Satu daripadanya, aktiviti latihan dan bimbingan agama ini memang ada, di seluruh institusi yang di bawah Kementerian memang ada menguruskan latihan seperti itu. Saya ingat janganlah Ahli Yang Berhormat itu khuatir kerana ada cukup guru-guru agama yang berkhidmat di tempat itu dari Jabatan Agama di tiap-tiap negeri. Itu memang ada.

Ahli Yang Berhormat dari Matang, ingin saya menjelaskan di sini juga bagi pihak Polis dan Kastam dan Kementerian saya ada fungsinya yang berlainan. Kastam untuk menjalankan pencegahan dan Polis untuk menjalankan perkhidmatan tangkapan orang-orang yang menjadi pengedar dadah dan Kementerian saya memberikan perkhidmatan pemulihan penagih dadah sahaja. Bidang Pencegahan bukan di bawah Kementerian ini dan saya dapat tahu iaitu pihak Kastam yang menjalankan tugas mereka menjalankan tugas

dengan seadil-adilnya dan dengan sedaya upaya mereka. Kalau budak-budak yang berjalan-jalan di Chow Kit Road itu saya ingat bukan semua mereka itu penagih dadah. Air yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengikut masa, air itu semua tak serupa dari jam 8.00 pagi dan pukul 4.00 pagi semua itu tak serupa, kalau kita test air itu tak serupa, ada perbezaan. Perbezaan itu bukan kerana penagih dadah, janganlah salah anggap tentang perkara ini, bukan semua orang penagih dadah.

Mengenai bantuan am seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi, bantuan am untuk orang yang memerlukan bantuan seperti itu adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri, seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kalau beliau ada syor dan usul bolehlah kemukakan kepada Dewan Undangan Negeri supaya mereka memberi lebih banyak lagi peruntukan sebab bantuan seperti itu kita telah serahkan kepada semua Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah wang sejumlah \$297,340 untuk Maksud B. 62 di bawah Kementerian Kebajikan Am jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$297,340 untuk Maksud B. 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$100,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 62 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$100,000 untuk Maksud P. 62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1982.

Maksud P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982)—

Tuan Pengerusi: Maksud P. 63 bagi Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam adalah terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

6.35 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P. 63—Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam Butiran (Projek) 20—Skim Mengatasi Kesusakan Lalulintas Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, Skim Mengatasi Kesusakan Lalulintas Pulau Pinang adalah satu projek yang sangat memberi manfaat kepada negeri Pulau Pinang kerana ianya menyambungkan tempat-tempat penting di negeri Pulau Pinang sebagai contohnya lapangan terbang ke Bandaraya, Bandaraya ke kawasan-kawasan industri dan sebagainya. Rancangan untuk membesarkan jalan ini adalah untuk menampung keperluan lalulintas yang bertambah dengan pesatnya dalam masa akhir-akhir ini. Jalan ini adalah salah satu jalan utama di negeri Pulau Pinang kerana ianya menyambungkan ibu negeri dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, jalan itu juga menghubungkan ibu negeri ke kawasan-kawasan perdagangan bebas Pulau Pinang di mana terdapat 25 kilang elektronik yang memberi pekerjaan kepada 35,000 orang dan di setiap hari lebih daripada 300 buah bas kilang menggunakan jalan itu.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak timbulkan dalam Dewan ini ialah masalah pembangunan jalan ini

yang telah dibuatkan itu, tarikh tapak itu diserahkan kepada pemborong ialah 15hb Ogos, 1979, sampai ke hari ini lebih kurang 3 tahun 3 bulan tetapi masih belum siap. Sesiapa juga yang pergi ke Pulau Pinang melalui udara atau kapal terbang boleh mengetahui keadaan kesesakan daripada Lapangan Terbang Pulau Pinang di Bayan Lepas ke Bandar George Town. Biasanya dahulu semasa jalan itu belum lagi dibaiki, masih elok lagi, cuma kita mengambil masa dalam 20 minit sahaja dari Lapangan Terbang ke Bandaraya tetapi keadaan hari ini dengan kesesakan itu sekurang-kurangnya satu jam dari Lapangan Terbang ke Bandaraya, oleh sebab-sebab yang saya nyatakan tadi, bertambahnya kenderaan, bertambahnya bas-bas kilang dan sebagainya.

Dalam masa tiga tahun tiga bulan itu sudah lebih kurang 85% projek itu siap. Apa yang menjadi masalah sekarang ialah bila sahaja berlaku hujan lebat dalam masa dua jam, maka jalan dari Lapangan Terbang ke Bandaraya telah tertutup kerana berlaku banjir ataupun bah di hadapan kilang elektronik. Saya timbulkan masalah ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah bertanya: Apa hal kepada projek ini? Begitu juga Yang Berhormat Mulia Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj semasa beliau dalam perjalanan daripada Bandaraya ke Lapangan Terbang, beliau telah terperangkap di hadapan kilang-kilang itu lebih kurang satu setengah jam dan nyaris-nyaris terlepas kapal terbang. Kawasan yang banjir ini lebih kurang dalam 200 ela sahaja. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam akan mengambil perhatian yang serius dalam perkara ini. Bila kereta ini terperangkap di situ bukan kata satu dua buah, selalu bila terperangkap ini melibatkan 100-200 buah kereta di kedua-dua belah hujung jalan, jadi

mana-mana kereta pun tidak dapat hendak bergerak.

Kalaulah kita tahu kontraktor yang dapat kontrak membina jalan dari Lapangan Terbang ke Simpang Gelau itu sudah pun gulung tikar ataupun bankrap, kalau boleh kita jangan lambat-lambatkan, kita re-tender, tenderkan kesemua ataupun yang mustahaknya yang saya sangat berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya jalan di hadapan kilang yang selalu banjir itu ditambah buat langkah sementara supaya bila berlaku hujan tidaklah kawasan ini akan menjadi perangkap kepada kereta-kereta ataupun bas ataupun lori yang menggunakan jalan ini. Inilah perkara yang sangat mustahak yang saya hendak timbulkan, terutama sekali yang saya cakap ini kerana saya dapat faham Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan melawat Pulau Pinang pada 29hb Januari, jadi lebih kurang ada lagi 1½ bulan, saya fikir memadai masa ini untuk diadakan suatu langkah mengatasi masalah banjir di hadapan kilang iaitu jalan utama yang menghubungkan lapangan terbang dengan bandaraya.

Satu perkara lagi jalan baru dari lapangan terbang melalui Kem Tentera Sungei Ara ke Sungei Nibung, jalan ini juga tidak dapat dibuat kerana adanya 69 setinggan dalam kawasan saya juga yang belum diubah, belum dipindahkan lagi mereka ini. Mereka ini sudah dapat duit, Tuan Pengerusi, satu tahun lebih, sudah dapat duit dan ada orang yang membelanjakan duit ini habis membeli TV dan sebagainya, jadi bila kita suruh mereka pindah mereka kata tidak ada duit dan lagi lama kita tunggu projek ini, tidak pindahkan orang ini macam-macam masalah lagi akan timbul dan yang paling teruknya Wakil Rakyat kawasan itu akan menerima segala beban ini.

Saya harap Yang Berhormat Menteri akan dapat mengambil langkah memindahkan orang ini seramai 69 orang, Tuan Pengerusi, yang terdiri kebanyakan pekerja-pekerja estet yang berdekatan. Pihak Kementerian Kerjaraya bercadang hendak pindahkan mereka ini 4 batu daripada kawasan itu, kalau dipindahkan di kawasan itu 4 batu jauhnya, hilanglah pekerjaan mereka ini yang kebanyakan terdiri daripada ibu-ibu yang meningkat umur 30 tahun ke 40 tahun dan tidak ada transport hendak membawa mereka daripada tempat pembinaan baru ini ke estet yang mereka sendiri bekerja pagi-pagi pukul 5.00 mana ada transport dan orang ini tidak boleh naik basikal dan sebagainya.

Saya sendiri sudah menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya supaya dipindahkan mereka dekat dengan situ seperti cadangan yang mula itu, lebih kurang dalam 30 orang ditempatkan di situ tidak jauh, mereka ini tidak hilang pekerjaan dengan pembinaan ini, kita mesti fikirilah kalau kita hendak membuat kemajuan dan hendak memberi kemudahan kepada orang lain janganlah orang-orang yang terlibat itu kita aniyakan dia, kita susahkan dia, kita hilangkan pekerjaannya. Ini tidak betul. Kalau kita hendak beri kemudahan kepada orang lain, orang senang-senang hendak naik kapal terbang, janganlah orang ini menjadi mangsa terpaksa pindah dan terpaksa hilang kerja. Ini sangat tidak patut. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian yang serius. Saya tidak bercadang hendak bercakap, tetapi oleh sebab perkara ini begitu penting, saya timbulkan di dalam Dewan ini supaya direkodkan dan dapat kita adakan susulan selepas ini kepada jawapan-jawapan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang saya hendak timbulkan.

6.45 ptg.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B. 63, Butiran 20 mengenai Skim Mengatasi Kesyakan Lalulintas Pulau Pinang.

Saya ingin membawa perhatian Menteri berkenaan mengenai keadaan rancangan mengurangkan kesesakan lalulintas di Pulau Pinang ataupun Traffic Dispersal Scheme yang dinilai belanja \$400 juta untuk tujuan membeli Pulau Pinang satu sistem pengangkutan yang baik dan teratur ataupun master transport system.

Saya difahamkan bahawa Traffic Dispersal Scheme ini dimulakan selepas satu kajian oleh pakar-pakar pengangkutan Jepun yang mana ianya sekarang menghadapi kesulitan. Salah satu dari projek di bawah rancangan ini adalah cadangan pembinaan Jalan Raya Utara Pantai (North Coastal Road) yang menelan belanja sebanyak \$240 juta yang sepanjang 5.5 kilometer dari inter-change jambatan Pulau Pinang di Batu Uban ke Weld Quay. Sekarang saya difahamkan projek ini telah ditepikan untuk beberapa waktu yang tidak ditetapkan.

DAP menyeru Menteri yang berkenaan supaya menjelaskan kepada rakyat Pulau Pinang kenapa perkara ini berlaku, tawaran untuk projek tersebut telah dikeluarkan pada awal tahun ini, tetapi tidak ada sebarang kontrak diberikan apabila ianya ditutup pada bulan Ogos. Saya harap Menteri berkenaan boleh menjelaskannya di Dewan ini kenapa tidak ada kontrak dianugerahkan dan kalau projek itu diketepikan bilakah projek itu akan diadakan semula. Menteri itu mesti sedar bahawa jalan raya North Coastal Road itu adalah bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalulintas dari inter-change jambatan Pulau Pinang ke George

Town dan tanpa jalan Coastal tersebut sudah tentu menyebabkan lalulintas menjadi kacau di mana Jambatan Pulau Pinang itu dianggarkan siap pada tahun 1985.

Saya juga difahamkan satu lagi projek di bawah Traffic Dispersal Scheme itu, projek pembesaran jalan lapangan terbang Pulau Pinang telah juga di berhentikan hampir sebulan dan lebih kurang 150 pekerja-pekerja di situ telah diberhentikan kerja.

Saya difahamkan pembesaran jalan lapangan terbang itu terpaksa berhenti disebabkan kontrak mengerjakan projek itu telah kerugian lebih \$3 juta dari jumlah \$14 juta perbelanjaan projek itu. Akibat dari kerugian tersebut saya difahamkan kontraktor berkenaan telah merayu kepada pihak Kementerian untuk perbelanjaan yang lebih untuk mereka meneruskan projek tersebut.

Saya difahamkan pihak Kementerian sedang menimbang akan permintaan itu dan sehingga ke hari ini masih belum membuat keputusan tegas. Saya ingin mendesak pihak Kementerian membuat keputusan secepat mungkin kerana kelewatan ini akan hanya menyebabkan 150 orang pekerja diberhentikan dan kelambatan lebih akan menyebabkan kenaikan perbelanjaan projek tersebut.

Saya juga difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membawa perkara ini kepada Kementerian beberapa kali, beberapa bulan yang lalu, tetapi sehingga saat ini pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih dalam kegelapan di atas cara Kementerian berkenaan mengatasi masalah ini.

Saya harap Menteri berkenaan boleh menjelaskan di Dewan ini mengapa projek pembesaran Jalan Airport itu diberhentikan dan kalau benar kontraktor yang bertanggungjawab terhadap projek

tersebut rugi sebanyak \$3 juta dan tidak berupaya meneruskan projek itu, apakah langkah Menteri berkenaan untuk memastikan projek itu diteruskan sebagaimana yang dijadualkan.

Saya berharap Menteri berkenaan boleh juga memberitahu Dewan ini tentang keadaan projek pembinaan di bawah Traffic Dispersal Scheme yang mana untuk membina jalan tepi pantai dari jambatan Pulau Pinang ke Jalan Relau yang mana saya difahamkan ianya masih dalam peringkat perancangan. Bolehkah Menteri berkenaan memberitahu Dewan sama ada projek tersebut juga telah diketepikan, dan kalau tidak, bilakah projek itu akan dimulakan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Hilir Perak.

6.50 ptg.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, dalam menyertai bercakap tentang Belanjawan Tambahan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang berjumlah \$160,733,713 ingin saya merujuk jawapan daripada Yang Berhormat Menteri atas soalan Wakil dari Lumut tempoh hari iaitu sebuah jalan akan dibina daripada Telok Intan ke Kayan, tetapi perlu diingatkan bahawa di antara Telok Intan dengan Kayan ini ada mempunyai sebuah sungai yang besar, iaitu Sungai Perak. Jadi saya perlulah mengingatkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa peruntukan untuk jambatan menyeberangi Sungai Perak itu adakah termasuk dalam \$53 juta yang telah diperuntukkan untuk jalan itu di antara Telok Intan dengan Kayan kerana Sungai Perak bukanlah sebuah sungai yang kecil, kemungkinan perbelanjaan untuk membuat jambatan itu sahaja boleh menelan sebanyak \$30 juta.

Perlu saya ingatkan bahawa di antara Bagan Datok ke Bota hampir 50 batu, di sepanjang Sungai Perak itu tidak ada jambatan langsung yang mana pengundi sahaja dalam 3 kawasan, pengundi dari kawasan Bagan Datok, pengundi kawasan Telok Intan dan pengundi di kawasan saya sendiri di Hilir Perak berjumlah hampir-hampir 150,000 pengundi dan kalau sekiranya orang Bagan Datok hendak pergi ke seberang sana terpaksa naik kereta daripada Bagan Datok pergi ke Bota sejauh 25 batu baru boleh menyeberang Sungai Perak untuk pergi hanya ke seberang Bagan Datok kalau hendak bawa kereta. Jadi di sepanjang Sungai Perak daripada Bagan Datok sampai Kuala Kangsar yang jauhnya hampir 100 batu hanya mempunyai 3 jambatan menyeberangi Sungai Perak, iaitu di Bota, di Parit dan di Kuala Kangsar. Yang anihnya pula jalan daripada Kuala Kangsar turun ke Parit, turun ke Telok Intan, turun ke Bagan Datok dan terus ke Kuala Lumpur kita terpaksa melalui sebuah jambatan yang saya fikir itu hanya jambatan yang wujud di Malaysia ini, iaitu sebuah jambatan yang berkongsi dengan keretapi.

Saya fikir tidak ada sebuah jambatan di Malaysia ini selepas 25 tahun merdeka kita terpaksa berkongsi antara keretapi dengan kereta-kereta, bas, lori dan sebagainya. Saya harap sangatlah jambatan maut ini boleh seberapa segera digantikan kerana inilah merupakan perhubungan yang paling penting di antara Telok Intan dengan orang-orang yang duduk di sebelah utara Telok Intan, iaitu di Kampong Gajah, Parit terus ke Kuala Kangsar, teruslah ke Pulau Pinang dan terus ke Alor Setar dan Padang Besar. Jadi saya berharap sangatlah Kementerian yang berkenaan menganggap bahawa ini adalah satu perkara yang penting dan fikirlah bahawa rakyat di sana telah begitu ketinggalan dalam perhubungan dan jalan raya adalah

merupakan satu infrastruktur yang paling penting. Diharapkan selain daripada jambatan daripada Telok Intan ke Kayan akan dibinakan, diharapkan sebuah lagi jambatan, iaitu menyeberangi daripada Kampong Gajah di Pasir Salak, iaitu sebuah tempat bersejarah di mana orang Melayu mula-mula sekali membunuh penjajah dapat dibina agar dapatlah rakyat di sana menikmati hidup walaupun jauh ketinggalan daripada rakyat di kawasan-kawasan lain.

Itulah sahaja permohonan saya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

6.55 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya suka membangkitkan Kertas Perintah 30, Anggaran Pembangunan Tambahan Bil. 2 tahun 1982, Butiran 1, 2, 3, 4, 5, 16, 17 dan 19. Ini akan merangkumi semua akan saya sebutkan di sini mengenai rancangan untuk memperbaiki lalulintas dan kesesakan lalulintas, terutamanya di Wilayah Persekutuan.

Saya hendak mengulangi di sini supaya pihak Kementerian akan mengambil langkah untuk membina jejambat di Bulatan Kepong, di Bulatan Edinburgh, di Bulatan Jalan Pahang dan Pekeliling untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di Wilayah Persekutuan kerana tanpa pembinaan jejambat-jejambat tersebut kesesakan lalulintas tidak dapat dikurangkan di Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, kesesakan lalulintas yang paling buruk ialah di kawasan Kepong, terutama di Jalan Kepong. Salah satu faktor yang menyebabkan kesesakan itu ialah kerana kenderaan-kenderaan daripada Kuala Selangor dan kawasan sekitarnya terpaksa melalui Jalan Kepong wal hal mereka menuju ke pusat bandar. Ini bermakna

Kementerian hendaklah membina satu jalan lencongan Kepong daripada Batu 9 Jalan Kepong dan Jalan Damansara ke Jalan Ipoh untuk menyalur/menyusurkan kenderaan-kenderaan daripada Kuala Selangor dan kawasan berhampirannya selepas melalui jalan lencongan itu tanpa melalui Jalan Kepong, satu langkah yang positif jikalau boleh diambil.

Kertas Perintah 30 juga mengenai jalan masuk dan keluar untuk taman-taman kediaman. Satu contoh yang akan saya beri di sini ialah di Batu 7½ Jalan Kepong ada satu Taman Emas di mana pada mulanya ada satu jalan masuk dan keluar dan kerana rancangan JKR untuk memperluaskan Jalan Kepong di mana jalan masuk-keluar itu ditutup sama sekali tanpa jalan alternate, ini di Batu 7½ Jalan Kepong. Oleh itu saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperbetulkan keadaan yang tidak diingini.

Akhir sekali, Kertas Perintah 30 Anggaran Pembangunan Tambahan Bil. 2 Tahun 1982, muka 11, Bangunan-bangunan Kerajaan, Butiran 182—Tempat Kediaman Rasmi yang memakan belanja lebih daripada \$5 juta. Saya suka membangkitkan satu hal mengenai kediaman rasmi di Universiti Pertanian. Di situ ada didirinya satu rumah kediaman rasmi untuk seorang Naib Canselor pada tempoh hari. Saya mendapat tahu dan saya bangkitkan sebagai satu pertanyaan di sini, sama ada benar di situ lebih daripada \$1 juta wang rakyat digunakan untuk memperindahkan kediaman rasmi dengan jalan yang begitu cantik, masuk melalui bukit di rumah kediaman yang terletak di kawasan yang tertinggi di atas bukit. Memang alam sekitarnya indah dan dengan jalar-jalar awan di sana-sini dan cahaya-cahaya mentari memercikkan perasaan yang indah dan

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, di bawah Peraturan Mesyuarat 67 (9) perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong bukanlah mengenai Kementerian Kerjaraya tetapi itu adalah di dalam bidang kuasa Kementerian Pelajaran.

Dr Tan Seng Giaw: Kertas Perintah 30, Tuan Pengerusi. Jadi di sini saya menyeru supaya pihak Kementerian membuat penyiasatan ke atas wang-wang yang digunakan untuk mendirikan, membaharui dan memperbaiki tempat kediaman rasmi supaya tidak berlakunya pembaziran dan pemborosan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri boleh menjawab sekarang.

7.01 mlm.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat membahaskan Anggaran Belanjawan Pembangunan Tambahan Bil. 2 tahun 1982.

Sebagai sebuah Jabatan yang bertanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan awam, Jabatan Kerjaraya adalah terlibat di dalam pelaksanaan projek-projek kemudahan awam termasuk projek-projek pembangunan daripada agensi-agensi pelanggan yang lain. Di dalam merancang pelaksanaan projek-projek tersebut, Kementerian saya mengemukakan Anggaran Pembangunan yang diperlukan akan tetapi pada biasanya anggaran yang diperlukan itu tidak diberikan secukupnya pada peringkat permulaannya. Oleh kerana itulah maka sejumlah peruntukan Pembangunan Tambahan perlu dipohon pada penghujung tahun.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran-teguran dan juga pandangan-pandangan mereka di atas projek-projek dan rancangan-rancangan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai kesesakan lalulintas Pulau Pinang iaitu Penang Traffic Dispersal Scheme, dengan izin; Tuan Pengerusi, ialah sejumlah 4 package. Package yang pertama ialah Airport ke Relau, package yang kedua sama parallel juga, package yang ketiga Relau ke Green Lane dan package yang keempat iaitu Jejambat Glugor dan jalan-jalan.

Tuan Pengerusi, walaupun kita telah beri kontrak kepada beberapa kontraktor-kontraktor yang berpengalaman tetapi dukacita saya suka memberi pandangan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera iaitu apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera tadi berkenaan dengan masalah-masalah yang telah ditimbulkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Kementerian saya dan Kementerian saya tidak mengambil apa-apa tindakan. Saya suka juga memberi sedikit sejarah iaitu di Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, Menteri-menteri yang telah dilantik di Kementerian itu daripada tahun 1957 setakat ini, saya rasa saya sahajalah seorang Menteri yang melawat Pulau Pinang paling banyak sekali daripada Menteri-menteri yang berada dalam Kementerian itu (*Ketawa*). Ada juga Menteri-menteri daripada tempatan tetapi mereka melawat kawasan mereka sahaja, tetapi saya melawat ke kawasan itu dengan tujuan untuk

memperbaiki keadaan lalulintas di Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, sebaliknya apa yang saya suka menjelaskan sedikit di sini walaupun Kementerian saya suka juga mendapat penyelesaian daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas 144 buah rumah-rumah setinggan tetapi malangnya saya tidak dapat apa-apa pertolongan daripada mereka. Setinggan-setinggan di Pulau Pinang adalah berlainan daripada setinggan-setinggan di tempat-tempat lain atau di negeri-negeri yang lain. Di negeri-negeri yang lain saya telah menerima kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk mengadakan tanah atau rancangan baru yang mana setinggan-setinggan itu boleh juga mengadakan rumah panjang atau tanah untuk mendirikan rumah mereka sendiri tetapi penduduk-penduduk Pulau Pinang tidak suka rumah panjang. Tiap-tiap orang suka untuk mengadakan sebuah flat berharga \$55,000. Jikalau saya bayar ganti-rugi kepada mereka, saya rasa ganti-rugi itu sahaja akan berjumlah lebih kurang \$50 juta untuk mengeluarkan lebih kurang 144 rumah setinggan sahaja. Sebab itu jugalah kita menghadapi beberapa masalah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari negeri Pulau Pinang, lebih kurang 2 bulan yang lalu apabila saya ada berbincang dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, saya telah memberitahu kepada beliau jikalau beliau tidak ambil tindakan atau tidak memberi pertolongan atau kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan saya akan batalkan North Coastal Road Project, tidak payah beri projek walaupun projek itu berharga lebih kurang \$200 juta tetapi harga untuk memindahkan lebih kurang 740 buah rumah setinggan daripada North Coastal Road itu, saya rasa Anggaran Belanjawan boleh jadi dekat \$100 juta. Inilah masalah-masalah yang

dihadapi oleh Kementerian saya, bukan kerana Kementerian saya tidak suka menyelesaikan masalah ini.

Walau bagaimanapun, untuk makluman kedua-dua Ahli yang Berhormat dari Pulau Pinang iaitu Ahli Yang Berhormat kawan baik saya dari Balik Pulau dan juga dari Bukit Bendera walaupun saya telah kenal mereka itu macam saya kenal dengan Ketua Pembangkang, tetapi saya suka juga memberi akuan kepada tuan-tuan berdua iaitu Kementerian saya telah mengambil satu keputusan untuk membeli lebih kurang 6 ekar tanah di Balik Pulau dan saya harap dalam tempoh 10 bulan lagi kita akan menyelesaikan masalah setinggian 144 buah rumah di dalam keempat-empat skim package itu. Saya harap selepas itu juga kita akan boleh jalankan projek itu.

Inilah masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian saya di Pulau Pinang khususnya. Ada juga masalah-masalah yang lain tetapi jikalau saya timbulkan masalah itu saya rasa kita boleh tulis satu buku sejarah berkenaan dengan masalah lalulintas di Pulau Pinang di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga Kementerian Kerjaraya. Kementerian Kerjaraya dan juga Lembaga Lebuhraya Malaysia suka menjalankan projek-projek tetapi malangnya apa yang saya sebutkan tadi ialah kurang persefahaman di antara pihak-pihak yang berkenaan. Saya harap juga masa depan kita akan dapat selesaikan semua masalah yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi khususnya kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Jalan Teluk Intan dan Kayan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak, saya suka menjelaskan sedikit perkara ini adalah satu komponen di bawah projek dari Teluk Intan ke Lumut yang telah

diluluskan. Jambatan ini sedang diadakan dalam rekabentuk. Saya harap insya Allah jikalau kita dapat kebenaran daripada Tuhan dan juga kebenaran daripada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, yang kedua—nombor satunya Tuhan, nombor kedua di bawah Tuhan kepada Kementerian Kerjaraya ialah Menteri Kewangan. Saya harap kita boleh mula projek ini dalam tahun 1984.

Berkenaan dengan masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya suka menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat, saya suka juga mendengar pandangan-pandangan dari Ahli Yang Berhormat itu sebab, dengan izin, Tuan Pengerusi, I encourage constructive criticism from the Opposition. Sebagai seorang daripada DAP, dia satu orang sahaja constructive. Saya suka beri compliment itu kepada Ahli Yang Berhormat pada hari ini.

Berkenaan dengan Jalan Kepong, saya sendiri faham masalah-masalah berkenaan dengan Jalan Kepong sebab saya sendiri mempunyai sebuah rumah di Kepong Bharu. Tiap-tiap petang dan tiap-tiap pagi saya tahu apakah masalah. Kementerian saya telah pun mengambil beberapa tindakan lebih kurang tiga tahun yang lalu untuk membuat siasatan. Selepas siasatan kita telah siapkan rekabentuk untuk mengadakan satu inter-change. Apa yang boleh kita kata dalam bahasa Inggeris, "a very sophisticated inter-change" di Kepong, iaitu kita telah mengambil perhatian apakah masalah-masalah trafik di kawasan itu. Tetapi harga untuk membina inter-change itu ialah lebih daripada \$54 juta. Kita telah memohonkan kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, ada juga dalam timbangan. Saya harap, insya Allah kalau kita boleh terima kelulusan daripada Menteri Kewangan boleh

juga kita berdua-dua, Ahli Yang Berhormat boleh melawat kawasan lebih senang, saya boleh melawat rumah saya lebih senang di Kepong dalam dua atau tiga tahun jikalau saya dapat wang peruntukan itu dalam tahun 1983. Tetapi daripada anggaran-anggaran telah diluluskan oleh Dewan ini dan dengan keadaan kewangan bukan sahaja di negara kita, di seluruh dunia nampaknya projek ini akan dijalankan sedikit lewat.

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Dato' S. Samy Vellu: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri itu mengenai pembinaan jalan di situ yang apa disebutkan tadi dalam tempoh dua tiga tahun yang lepas jalan ini, Jalan Kepong, telah diperelokkan walhal pada mulanya jalan ini adalah untuk "high-capacity highway" seperti yang terdapat dengan Jalan Bangsar. Tetapi malangnya saya pun tidak tahu faktor-faktor yang sebenarnya, saya menyebabkan jalan itu sekarang ini bukan satu "high-capacity highway". Maknanya persimpangan itu, lampu isyarat itu untuk "high-capacity highway" untuk satu arah dalam satu jam ini hendaklah melepaskan sekurang-kurangnya 2,500 buah kereta. Tetapi di Kepong di persimpangan lampu isyarat itu hanya 1,500 buah kereta sahaja. Apakah sebabnya projek itu dijalankan sebegini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, saya ucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan butir-butir yang beliau telah beri kepada Dewan ini tadi. Itulah sebab apa yang saya katakan tadi kita telah siasat atas keadaan Lalulintas dan mengapakah kita tidak mengambil tindakan-tindakan yang sewajar dengan lebih segera ialah masalah kewangan yang saya timbulkan tadi. Walau

bagaimanapun saya menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional adalah satu Kerajaan yang lebih adil sebab itu jugalah walaupun kawasan itu termasuk dalam kawasan Pembangkang lebih kurang 10 tahun dahulu dan 5 tahun dalam tangan Barisan Nasional, sekarang masuk dalam tangan DAP yang mana Ahli Yang Berhormat menjadi wakil dari kawasan Kepong, tetapi kita tidak menghentikan apa-apa projek berjalan di sana. Projek sedang dan akan dijalankan juga. Sebab inilah polisi Kerajaan Barisan Nasional untuk memberikan lebih kemudahan kepada rakyat jelata walaupun mereka dari kawasan Pembangkang ataupun Barisan Nasional. Walau bagaimanapun saya suka memberi akuan kepada Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya ada juga beberapa rancangan untuk memperbesarkan Jalan Kepong sampai ke Sungai Buluh dan juga jalan-jalan yang menghubungkan dengan Jalan Kepong dalam satu masa yang kita akan tetap, apabila kita dapat kewangan daripada Kementerian yang kita tetapkan.

Dengan ini Tuan Pengerusi, sekali lagi saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan di atas Kementerian saya. Dengan kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat saya harap jugalah kita akan siapkan semua projek-projek di tanahair kita.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$160,733,713 yang disebutkan dalam Maksud P. 63 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1982 di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$160,733,713 untuk Maksud P. 63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982.

Maksud B. 64 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 64 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk di bahas.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Tiada perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$35,239,194 untuk Maksud B. 64 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$35,239,194 untuk Maksud B. 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud B. 67 (Jadual Pertama)—

Maksud P. 67 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1981)—

Maksud P. 65 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 67 dan Kepala P. 67 untuk tahun 1981 dan P. 65 untuk tahun 1982 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

7.22 mlm.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, pada prinsipnya dengan jumlah wang yang diperuntukkan yang diminta untuk Kementerian Pembangunan

Negara dan Luar Bandar berjumlah \$861,000 ini suatu angka yang besar, jadi kita tidak akan melepaskan Kementerian itu begitu sahaja.

Tuan Pengerusi, suatu perkara di mana tambahan yang dikehendaki di bawah Maksud ini untuk menyelaraskan akaun 1981 bagi Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Awam berikutan dengan pengwujudan semula Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai 20hb Julai, 1981 satu pengwujudan dan satu langkah yang betul kerana projek-projek di luar bandar hendaklah diselarasakan.

Tetapi saya kurang faham mengenai perbelanjaan untuk memindahkan Kementerianannya yang memakan belanja yang begitu besar, dan saya pun tidak dapat bukti-bukti yang menunjukkan kawalan dan pengurusan ke atas Kementerian itu termasuk Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) adalah begitu memuaskan. Jadi saya hendak menekankan di sini sebelum kita meluluskan wang begitu banyak kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kita hendak menekankan bahawa hendaklah wujudnya accountability awam dan odit. Dan saya hendak menitikberatkan yang pertama bahawa akaun-akaun awam disediakan dengan tepat untuk memberi kepastian segala urusan kewangan dilakukan dengan jujur dan mengikut undang-undang berkenaan.

Yang kedua, bahawa segala aktiviti diuruskan dengan berpatuh kepada kecekapan, ekonomi dan mengelakkan daripada pembaziran atau perbelanjaan sia-sia untuk memperolehi nilai-nilai yang terbaik dari wang yang dibelanjakan.

Yang akhir sekali bahawa langkah-langkah yang diambil untuk mengesan dan menilai sama ada sesuatu program

mencapai objektif yang ditujukan dan sama ada cara-cara yang terbaik telah dipilih untuk mencapai objektif itu dari segi kos dan faedahnya demi untuk kepentingan rakyat jelata haruslah kita mengikut cara-cara yang dapat menentukan accountability awam. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Puas hati dah? (*Ketawa*). Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.26 mlm.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Tuan Pengerusi bahawa tujuan wakil Pembangkang bercakap hanya sekadar untuk memuaskan hati kerana jelas dari hujjah-hujjah beliau, beliau tidak mempunyai perkara-perkara yang khusus yang ingin ditimbul yang menggambarkan pengetahuan mendalam mengenai persoalan yang sedang dibincangkan. Oleh itu tidak adalah perkara yang timbulkan yang perlu mendapat perhatian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$58,525,067 untuk Maksud B. 67 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$58,525,067 untuk Maksud B. 67 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$720,354,542 yang disebutkan dalam Maksud P. 67 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1981; dan perbelanjaan sebanyak \$82,175,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 65 dalam Anggaran Pembangunan Kedua bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$720,354,542 untuk Maksud P. 67 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1981; dan wang sebanyak \$82,175,000 untuk Maksud P. 65 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$1,222,096,628 diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1981, untuk menampung sejumlah \$750,502,703 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1982, untuk menampung sejumlah \$471,593,925 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata

Anggaran Pembangunan Tambahan kedua 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang Dipertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) (No. 2) telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat

ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$1,222,096,628 diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan—

(1) bagi tahun kewangan 1981, untuk menampung sejumlah \$750,502,703 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas; dan

(2) bagi tahun kewangan 1982, untuk menampung sejumlah \$471,593,925 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang

Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$1,222,096,628 diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1981, untuk menampung sejumlah \$750,502,703 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1982, untuk menampung sejumlah \$471,593,925 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas (*Tepuk*).

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, 7hb Disember, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.35 malam.